Junior Tiga Jilid Kedua

BAHASA MALAYSIA



CD Percuma

Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia

Junior Tiga Jilid Kedua

BAHASA MALAYSIA



Buku Teks
Sekolah Menengah
Persendirian
Cina Malaysia

Jawatankuasa Kurikulum Bersama
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Sesuai Untuk Peringkat Junior

Bahasa Malaysia

Junior Tiga Jilid Kedua

Editor Seni: Toh Choon Moh
Penyelaras Editor: Leong Chooi Fong
Reka Bentuk Kulit: Toh Choon Moh
Reka Bentuk Grafik: Lee Bee Buan
Penyusunan Teks: Lam You Kum
Ilustrasi: Yee Teck Nyiap

© Dong Zong
Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahan atau bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau ditukar kepada apa-apa bentuk atau apa-apa cara, baik dengan elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengalihan bahasa dan sebagainya tanpa mendapat kebenaran secara menulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

© Dong Zong
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, translated in any other languages, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior written permission of the publisher.

Disusun oleh:
董教总华文独中工委会统一课程委员会
Jawatankuasa Kurikulum Bersama,
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Diterbitkan & diedarkan oleh:
马来西亚华校董事联合会总会（董总）
Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel :603-87362337
Fax:603-87362779
Laman Web: www.dongzong.my
E-mel: support@dongzong.my

Dicetak oleh:
Swan Printing Sdn Bhd.

Edisi:
Terbitan pertama Mac 2009

Cetakan:
Cetakan ketigabelas September 2020

Sidang Pengarang Junior Tiga Jilid Kedua:

Penasihat:
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Chong Fah Hing
Tan Poh Boo
Goh Hin San

AJK & Editor-editor Kanan:
Chong Yok Fong
Mohd. Azlan Bin Nasarudin
Mohd. Rosli Bin Nordin
Mohd. Yusoff Bin Che Ibrahim
Nor Jaffry Shah Bin Hashim
Sek Choon Chiang
Sharifah Mat Junoh
Tin Lee Hong
Wong Kwong Hui
Yen Sui Len

Penulis:
Chong Yok Fong
Tin Lee Hong
Wong Nai Kung

Editor:
Lee Bee Kean

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini telah melibatkan pelbagai pihak. Dengan ini, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan.

PRAKATA

Buku Teks Bahasa Malaysia Peringkat Junior ditulis mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia Tahun 2002.

Buku teks peringkat junior ini dibahagikan kepada enam jilid. Terdapat dua jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun. Setiap jilid buku teks mengandungi tujuh unit.

Sebagai satu pakej, siri buku ini dilengkap dengan bahan-bahan pengajaran lain yang dirakam dalam cakera padat. Hal ini bertujuan untuk membolehkan guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan.

Matlamat kandungan buku teks junior ini bertujuan mempertingkat penguasaan dan pemahaman bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina yang merupakan pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Kandungan bagi setiap pelajaran dirancang ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai asas kemahiran berbahasa. Oleh yang demikian, keempat-empat kemahiran utama, iaitu Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membaca, Kemahiran Bertutur, dan Kemahiran Menulis diberi penekanan dalam setiap unit supaya penguasaan yang menyeluruh dapat tercapai.

Di samping itu, penulisan buku teks peringkat junior juga meliputi pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia mutakhir dan diterap melalui pendekatan yang berunsurkan tema-tema tertentu. Selain itu, nilai-nilai pendidikan moral dan kebudayaan Asia juga diterapkan melalui tema-tema tersebut. Semoga siri teks ini akan meningkatkan pencapaian pelajar dalam bahasa Malaysia di Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 8: MEMBELI-BELAH DI KEDAI RUNCIT

Membaca Dan Memahami
Ah Heng Sebagai Peruncit 2
Mendengar Dan Bertutur 6
Menulis
Surat Kiriman Tidak Rasmi 8
Bina Ayat 13
Tatabahasa
Kata Adjektif 14
Penggunaan Frasa Nama Jamak 15
Penjodoh Bilangan 18
Teknik Pembelajaran
Papan Tanda Harga 20
Rumusan Graf Bar 21
Bahagian Sastera
Syair Citrajaya Malaysia 23



UNIT 9: PERMAAFAN



Membaca Dan Memahami
Sesat di Hujung Jalan Kembali ke Pangkal Jalan 28
Mendengar Dan Bertutur 33
Menulis
Surat Kiriman Tidak Rasmi 34
Bidalan 35
Tatabahasa
Hukum D-M 37
Kesalahan Penggunaan Kata Tugas 39
Kesalahan Pembetukan Ayat Majmuk 44
Teknik Pembelajaran
Rumusan Graf Garisan 48

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 10: MENZIARAHI NENEK DI DESA

Membaca Dan Memahami
- Kenangan di Desa Nenekku 52

Mendengar Dan Bertutur 56

Menulis
- Karangan Jenis Pengalaman 58
- Bina Ayat 61

Tatabahasa
- Kesalahan Umum Kata Kerja Transitif dan Kata Kerja Tak Transitif 62
- Penggunaan Kata Majmuk 67



UNIT 11: TEKNOLOGI MAKLUMAT



Membaca Dan Memahami
- Kepentingan Teknologi Maklumat dalam Kehidupan Manusia 76

Mendengar Dan Bertutur 80

Menulis
- Karangan Perbahasan 83
- Peribahasa 84

Tatabahasa
- Ulang Kaji Kata Tugas 86
- Ulang Kaji Imbuhan Awalan 88
- Ulang Kaji Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk 90

Teknik Pembelajaran
- Perkara yang Perlu Dielakkan Semasa Melayari Laman Web 92

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 12: PAHLAWAN TANAH MELAYU

Membaca Dan Memahami
- Semangat Perjuangan Tok Janggut 94

Mendengar Dan Bertutur 98

Menulis
- Bina Ayat 99
- Melengkapkan Teks 101

Tatabahasa
- Ulang Kaji Kata Tugas 102
- Ulang Kaji Imbuhan Akhiran 103
- Penjodoh Bilangan 104

Teknik Pembelajaran
- Mencari Maklumat Di Perpustakaan 106



UNIT 13: PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI RANTAU ASIA TENGGARA



Membaca Dan Memahami
- Peranan Bahasa Melayu Dalam Era Global 110

Mendengar Dan Bertutur 114

Menulis
- Karangan Jenis Dialog 115
- Perumpamaan 116

Tatabahasa
- Ulang Kaji Imbuhan Apitan 118
- Imbuhan Sisipan 119
- Kata Hampir Sama Makna 120
- Ulang Kaji Jenis Ayat 125

Teknik Pembelajaran
- Petua Menghasilkan Karangan Yang Bermutu 126

KANDUNGAN

Muka Surat

UNIT 14: PANTANG LARANG

Membaca Dan Memahami

Pantang Larang Peribumi Sabah dan Sarawak 130

Mendengar Dan Bertutur 135

Menulis

Surat Kiriman Tidak Rasmi 135

Bina Ayat 135

Tatabahasa

Kata Banyak Makna 136

Kesalahan Penggunaan Kata dan Frasa dalam Ayat 146

Teknik Pembelajaran

Persediaan Menghadapi Peperiksaan 148

Rancangan pada Musim Cuti 149



UNIT 8:
MEMBELI-BELAH DI KEDAI RUNCIT







MEMBACA DAN MEMAHAMI

Ah Heng Sebagai Peruncit

Perbualan di kedai runcit tauke Ah Heng.

Ah Heng : Selamat pagi, Mak Cik Kalsom. Nak beli gula?

Mak Cik Kalsom : Selamat pagi tauke Ah Heng. Wah, nampaknya tauke dah tahu apa mak cik nak beli ya!


Ah Heng : (sambil tersenyum) Biasalah, bulan Ramadan ini, mak cik tentu banyak dapat **tempahan**[1] membuat kuih raya. Duit saku mak cik pun bertambah. Oh, ya! Berapa kilogramkah mak cik mahu?

Mak Cik Kalsom : Beri saya enam kilogram gula. Kali ini banyak pelanggan tempah kuih baulu.

Ah Heng : (sambil **menimbang**[2] gula) Enam kilogram harganya RM9.50. Harga gula dah naik kerana bekalan tidak mencukupi sejak tiga bulan yang lepas. Masa dekat hari raya ini, permintaan gula pula meningkat.


Mak Cik Kalsom : Macam mana pula dengan harga tepung?

Ah Heng : Harga tepung tidak naik. **Penawarannya**[3] mencukupi.



1. tempahan:
pesanan
定购

2. menimbang:
mengukur berat sesuatu benda
秤



3. penawaran:
perbuatan menawar
兜售

Kosa Kata







Mak Cik Kalsom : Syukurlah. Jika tidak, tentu **membebankan**[4] pengguna.

Ah Heng : Tak nak beli tepung sekali ke mak cik?

Mak Cik Kalsom : Tepung masih cukup lagi. Kalau kurang, saya datang lagi **kemudian hari**[5].

Ah Heng : Ini gulanya. Semoga rezeki mak cik **mencurah-curah**[6] pada bulan puasa ini.

Mak Cik Kalsom : Terima kasih.

Ah Heng : Sama-sama.

(10 minit kemudian)

Ah Heng : Encik, nak beli apa?

Encik Singgam : Di sini ada jual **lesung batu**[7]?

Ah Heng : Ada, ada. Ada di bahagian belakang kedai bersama dengan barangan dapur. Encik mahu yang besar atau yang kecil?

Encik Singgam : Beri saya lesung batu yang besar. Isteri saya sudah biasa menggunakan lesung batu yang besar.

Ah Heng : (membalut penumbuk lesung dengan surat khabar lalu memasukkannya ke dalam beg plastik) Encik dari mana? Tak pernah saya jumpa encik sebelum ini.

Encik Singgam : Oh, saya baru berpindah ke sini bersama isteri saya. Saya berasal dari Kemaman. Isteri saya orang Kelantan. Saya baru tamat latihan perguruan. Sekarang saya ditugaskan mengajar di daerah Kuala Pilah ini.

4. membebankan:
menyusahkan
令……负担

5. kemudian hari:
hari lain
改天

6. mencurah-curah:
datang dengan banyak
源源而来

7. lesung batu:
alat yang dibuat daripada batu untuk menumbuk sesuatu
石头做成的臼

Kosa Kata

Ah Heng : Oh, cikgu rupanya! Selamat datang ke Kuala Pilah. Kalau cikgu hendak membeli barang keperluan, datanglah ke kedai runcit saya. Kedai runcit saya tidaklah besar sangat tetapi banyak barangan yang dijual.

Encik Singgam : Ya, sudah tentu. Kalau saya perlukan apa-apa, saya akan datang lagi. Eh, lupa pula! Ini bayarannya.

Ah Heng : (**menghulurkan**[8] tangan untuk menerima bayaran) Terima kasih. Jumpa lagi.

Encik Singgam : Sama-sama.

> **8. menghulurkan:**
> mengunjukkan
> 伸出
>
> **Kosa Kata**



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah perkataan seerti untuk 'runcit'?
   A. sedikit-dikit B. kecil-kecilan
   C. besar-besaran D. berbagai-bagai

2. Di manakah letaknya kedai runcit tauke Ah Heng?
   A. Kuala Lipis B. Kuala Pilah
   C. Kuala Selangor D. Kuala Nerang

3. Apakah barangan yang telah dibeli oleh Mak Cik Kalsom dari kedai runcit tauke Ah Heng?
   A. penumbuk lesung batu B. acuan kuih baulu
   C. tepung D. gula

4. Di manakah Encik Singgam menamatkan latihan perguruannya?
   A. maktab tentera diraja
   B. maktab perguruan
   C. kem motivasi
   D. kem bina diri

5. Berdasarkan dialog tersebut, nyatakan perwatakan Ah Heng.
   A. jujur
   B. peramah
   C. penyayang
   D. bertanggungjawab

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah pekerjaan Mak Cik Kalsom pada bulan Ramadan?

2. Bagaimanakah tauke Ah Heng dapat mengetahui barangan yang hendak dibeli oleh Mak Cik Kalsom?

3. Mengapakah harga gula meningkat berdasarkan keterangan yang diberi oleh tauke Ah Heng?

4. Pada pandangan anda, apakah kelebihan kedai runcit berbanding dengan pasar raya?

5. Pada hemat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada peruncit yang berjaya?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

runcit : run + cit	tauke : tau + ke
tempahan : tem + pa + han	kilogram : ki + lo + gram
pelanggan : pe + lang + gan	lesung : le + sung
membebankan : mem + be + ban + kan	mencurah-curah : men + cu + rah + cu + rah
menghulurkan : meng + hu + lur + kan	



1. Main Peranan

Secara berpasangan, pelajar dikehendaki memainkan peranan berdasarkan situasi di kaunter perkhidmatan bas. Seorang pelajar menjadi penjual tiket di kaunter sementara seorang pelajar lagi menjadi pembeli tiket bas.



Main peranan anda boleh berdasarkan panduan di bawah:

Pembeli Tiket	Penjual Tiket
➢ memberikan salam	➢ membalas salam
➢ mendapatkan maklumat tentang: - harga tiket ke destinasinya - masa bas bertolak - tempoh perjalanan	➢ memberikan maklumat tentang: - harga tiket untuk destinasi tersebut - pilihan waktu perjalanan - anggaran masa yang diperlukan (masa perjalanan dan masa rehat di pertengahan jalan)
- tempat duduk yang masih kosong untuk masa yang dikehendaki	- masih ada tempat duduk yang kosong di bahagian belakang berdekatan dengan kedudukan tayar dan mencadangkan pilihan waktu perjalanan lain
➢ bersetuju dengan cadangan penjual tiket	➢ menunjukkan rasa gembira/ puas
➢ membuat pembelian tiket pada masa yang dikehendaki untuk dua orang	➢ menulis maklumat pada dua keping tiket lalu menceraikan tiket itu sebelum diserahkan kepada pembeli
➢ mengucapkan terima kasih	➢ mengucapkan terima kasih kembali



2. Mengenali Pelbagai Barang Keperluan Harian

Secara lisan, namakan pelbagai barang keperluan harian yang sering kita lihat di kedai berdasarkan kategori berikut. Pelajar perlu menamakan tiga barang untuk setiap kategori.

Kategori Barang Dapur	
Kategori Barang Elektrik	
Kategori Alat Tulis	
Kategori Barang Permandian	
Kategori Makanan / Minuman	



1. Surat Kiriman Tidak Rasmi


Sahabat pena anda dari luar negara ingin mengetahui tempat-tempat pelancongan yang menarik di Malaysia. Balas surat tersebut selengkapnya. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

Pelajar boleh memperkenalkan tempat pelancongan di Malaysia berdasarkan gambar-gambar yang diberikan.



Tempat Bersejarah

A'Famosa, Melaka





Bangunan
Sultan Abdul Samad,
Kuala Lumpur

Kota Cornwallis,
Pulau Pinang





Tempat Peranginan di Kawasan Pergunungan



Tanah Tinggi Cameron, Pahang



Gunung Kinabalu, Sabah



Tempat Peranginan di Pantai



Pantai Rantau Abang, Terengganu



Teluk Cempedak, Pahang

Tempat Peranginan di Pulau-pulau



Pulau Redang, Terengganu






Taman Tunku Abdul Rahman, Sabah







Tempat Rekreasi





Taman Tema Sunway Lagoon, Selangor



Mines Wonderland, Selangor

Bangunan-bangunan Kemegahan





Menara Berkembar Petronas, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Bangunan Perdana Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. Bina Ayat

Susun abjad-abjad di bawah supaya membentuk satu perkataan, kemudian bina satu ayat daripada setiap perkataan tersebut.

Abjad-abjad yang Terselerak	Perkataan yang Disusun	Contoh Ayat
1. t r k n u e a		
2. i t k t e		
3. o r s k o		
4. u p l t u		
5. a k l n a w a		
6. r c t u i n		
7. e e m k k		
8. a n s n t a		
9. m i n o o e k		
10. a a h i r n		





1. Kata Adjektif

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan pilihan Kata Adjektif yang diberikan.

nyenyak	comot	payau	hanyir	mersik
kelat	leper	serak	hancing	segak

1. Bau ____________ ini datang dari arah tandas awam yang berdekatan dengan taman rekreasi itu.



2. Pengantin lelaki itu kelihatan ______________ sekali apabila memakai pakaian Melayu bersampingkan kain songket.

3. Affendi mendapati air perigi di rumah neneknya itu ______________ rasanya.

4. Pinggan-pinggan ______________ yang dibeli oleh Mak Cik Susan di London disusun di dalam almari itu.

5. Mulut budak kecil yang berusia dua tahun itu kelihatan ______________ setelah makan aiskrim yang dibeli oleh abangnya.

6. Oleh sebab keletihan setelah menyertai acara merentas desa itu, Krisnan tidur dengan ____________ sekali pada malam semalam.

7. Seniman itu terkenal dengan gesekan biolanya yang amat ___________ .

8. Pisang yang muda itu ___________ rasanya.

9. Nenek Siew Chin memasukkan hirisan halia ke dalam ikan kukus itu untuk menghilangkan bau ___________ .

10. Suaranya menjadi ___________ kerana dia terlalu banyak bersorak untuk memberikan sokongan kepada pemain-pemain bola sepak kegemarannya.

2. Penggunaan Frasa Nama Jamak

A. Kata Nama yang mendukung maksud jamak tidak perlu diulang.

Contoh

rakyat-rakyat (✗)
rakyat (✓)

B. Kata Bilangan yang mengikuti Kata Nama telah mendukung maksud jamak tidak perlu diulang.

Contoh

pelbagai punca-punca (✗)
pelbagai punca (✓)



C. Kata Nama yang digunakan bersama Kata Bilangan Tak Tentu tidak perlu dijadikan Kata Ganda Berentak kerana Kata Bilangan Tak Tentu sudah menunjukkan jamak.

Contoh

banyak bukit-bukau (✗)
banyak bukit (✓)
bukit-bukau (✓)

D. Kata Nama yang didahului Kata Bilangan Kumpulan tidak perlu diulang kerana Kata Bilangan Kumpulan sudah menunjukkan maksud jamak.

Contoh

pasukan polis-polis (✗)
pasukan polis (✓)
polis-polis (✓)

E. Kata Nama pada bahagian subjek tidak perlu diulang jika terdapat pengulangan Kata Adjektif.

Contoh

Lukisan-lukisan yang dipamerkan itu **cantik-cantik belaka**. (✗)
Lukisan yang dipamerkan itu **cantik-cantik belaka**. (✗)
Lukisan yang dipamerkan itu **cantik-cantik**. (✓)
Lukisan yang dipamerkan itu **cantik belaka**. (✓)
Lukisan-lukisan yang dipamerkan itu **cantik**. (✓)



LATIHAN

Betulkan penggunaan Kata Nama jamak yang salah dalam ayat-ayat di bawah.

1. Kaum wanita-wanita digalakkan menyertai bidang kejuruteraan yang selama ini didominasi oleh kaum lelaki.

2. Bermacam-macam jenis kuih-muih dijual di pasar Ramadan Jalan Chow Kit.

3. Perabot yang dipamerkan di pasar raya itu mahal-mahal belaka.

4. Perdana Menteri kita menasihati generasi-generasi muda agar tidak terlibat dalam najis dadah.

5. Peperangan yang tercetus pasti banyak meninggalkan kesan-kesan buruk kepada penduduk negara berkenaan.

6. Setiap rakyat-rakyat di negara kita harus berpegang pada lima prinsip Rukun Negara.

7. Semasa zaman pemerintahan Meiji, kepentingan golongan petani-petani di Jepun terjejas.

8. Bangunan-bangunan di bandar New York tinggi belaka.

9. Wakil rakyat itu berharap agar segala rancangan-rancangan yang telah ditetapkan dapat dijalankan secepat mungkin.

10. Beratus-ratus keping cakera-cakera padat telah dirampas dalam operasi semalam.

3. Penjodoh Bilangan

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
gumpal	digunakan untuk membilang benda yang berkepal **Contoh:** kapas, tembakau, rambut	John mengambil se**gumpal** kapas dari peti kecemasan itu.
kepul	benda yang berkepul-kepul **Contoh:** awan, asap	Beberapa **kepul** awan hitam menandakan hujan lebat akan turun.
susun	digunakan untuk membilang benda yang teratur **Contoh:** buku, atap	Dua **susun** pinggan mangkuk antik itu tidak pernah diusik sejak Mak Cik Leha meninggal dunia.
cebis	digunakan untuk membilang benda yang bercarik **Contoh:** kain, daging, daun	Emak menggunakan se**cebis** kertas untuk mencatat nombor telefon kakak.
jemput	digunakan untuk membilang benda yang dapat diambil dengan hujung jari **Contoh:** tepung, tembakau, gula	Ibu memasukkan beberapa **jemput** serbuk kunyit ke dalam masakannya.
hidang	digunakan untuk membilang benda atau minuman yang disajikan **Contoh:** kuih, lauk, teh	Gadis itu datang dengan membawa se**hidang** kopi dan kuih-muih.



LATIHAN

Padankan Penjodoh Bilangan yang tepat dengan konteks penggunaan ayat berikut.

gumpal | jemput | susun | hidang | kepul | cebis

1. Encik Kwong perlu mengangkat se ____________ kain untuk mendapatkan jenis kain yang dikehendaki oleh pelanggannya.

2. Tukang masak itu memasukkan dua __________ garam ke dalam masakannya.



3. Beberapa _____________ asap dari tantas itu menimbulkan tanda tanya kepada cikgu Ganesan.

4. Siti menjamu kami dengan se ______________ nasi tomato.

5. Beberapa ___________ tanah liat merupakan bahan asas pembuatan pasu tembikar itu.

6. Mak Xian Tian membawa se ___________ kain ke kedai itu untuk dipadankan dengan butang yang sesuai dengan warna kain tersebut.

7. Lukisan pelukis itu berdasarkan ilham daripada beberapa _____________ awan yang berarak.

8. Pengantin lelaki memasukkan se _______________ nasi ke dalam mulut pengantin perempuan.



9. Kilauan daripada beribu-ribu __________ kertas berwarna itu menarik hati penonton.

10. Beberapa __________ kekabu digunakan oleh nenek untuk membuat bantal.

11. Setiausaha Encik Viva mengubah kedudukan se______________ majalah itu agar kelihatan lebih menarik.

12. Kak Tinny membawa beberapa ______________ kopi dan kuih untuk tetamu yang datang.



1. Papan Tanda Harga



Sudah tentu pelajar pernah melihat papan-papan tanda harga ketika berada di kedai runcit, pasar, pasar raya mahupun di restoran.

Apakah fungsi papan-papan tanda harga ini? Ya, papan-papan tanda ini penting untuk memaklumkan harga-harga yang telah ditetapkan untuk sesuatu jenis barang kepada para pengguna. Papan-papan tanda ini juga berperanan untuk menyatakan bilangan unit, kuantiti atau timbangan tertentu. Kadangkala kita juga dapat mengetahui tempoh masa tawaran harga tersebut diadakan.


Dengan adanya papan-papan tanda harga ini, para pengguna tidak akan diperdaya oleh peniaga yang suka meletakkan harga secara sembarangan. Papan-papan tanda harga sebegini juga akan memudahkan seseorang pengguna untuk membuat perbandingan harga dengan barang yang sama di kedai yang lain.

Aktiviti:

Andaikan anda seorang peruncit. Lukiskan satu papan tanda harga untuk salah satu barang yang dijual di kedai anda untuk menarik perhatian pembeli. Tuliskan maklumat-maklumat yang perlu ada pada papan tanda harga tersebut.

2. Rumusan Graf Bar

Graf bar di bawah menunjukkan peratus jualan barang asas runcit yang popular dijual di kedai runcit Pak Leman dalam tempoh sebulan. Buat suatu rumusan berdasarkan graf bar tersebut. Huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



Panduan Rumusan

Pengenalan

- keseluruhannya graf bar itu menunjukkan apa

Isi Tersurat

- barang asas runcit yang paling laris dijual dalam sebulan berserta peratusannya
- barang asas runcit yang kedua banyak dijual dalam sebulan berserta peratusannya
- barang asas runcit yang paling kurang dijual berserta peratusannya
- mana-mana barang asas runcit yang dijual berserta peratusannya

Isi Tersirat

- sebab barang itu laris sekali dijual
- sebab barang itu kedua laris dijual
- sebab barang itu paling kurang dijual
- pilih mana-mana barang runcit lain dan nyatakan sebabnya
  (selain sebab, isi tersirat juga boleh termasuk 'kesan' dan 'langkah' yang berkaitan)

Penutup

- kemukakan cadangan dan harapan untuk memajukan perniagaan Pak Leman



BAHAGIAN SASTERA

Dengar dan baca syair di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Syair Citrajaya Malaysia

KLCC pusat pelancongan
Menara Petronas pusat **tumpuan**[1]
bangunan tinggi jadi kebanggaan
tidaklah **luput**[2] daripada sebutan.

KLIA pusat penerbangan
pengangkutan udara maju ke depan
perkhidmatan LRT tidak ketinggalan
pengangkutan awam jadi pilihan.

Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan
ibu kota Malaysia pelbagai **peranan**[3]
nadi[4] kehidupan segala kegiatan
pemangkin[5] ke arah kemajuan.

Putrajaya pusat pentadbiran
tempat berkumpul para negarawan
pencetus[6] dasar pencapai wawasan
Malaysia jaya itulah tujuan.

(Lydia)

Kamus Kaki

1. tumpuan : perhatian 焦点
2. luput : lenyap 消失
3. peranan : tugasan yang dipegang 角色
4. nadi : unsur yang menjadi penggerak kepada sesuatu kegiatan 因素
5. pemangkin : faktor yang dapat mempercepat berlakunya sesuatu perkembangan 催化因素
6. pencetus : sesuatu yang menyebabkan sesuatu kejadian 引发

Maksud

Rangkap Pertama

Menara Berkembar Petronas (KLCC) merupakan pusat pelancongan yang terkenal di Malaysia. Tempat ini menarik perhatian para pelancong sama ada dari dalam atau dari luar negara. Bangunan pencakar langit ini menjadi kemegahan rakyat kerana sering disebut-sebut sebagai lambang kejayaan negara.

Rangkap Kedua

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menjadi titik penanda kemajuan dalam bidang pengangkutan udara. Kemajuan sistem pengangkutan awam juga tidak diketepikan dengan adanya perkhidmatan Sistem Transit Ringan (LRT) yang semakin menjadi pilihan.

Rangkap Ketiga

Kuala Lumpur yang juga dikenali sebagai Wilayah Persekutuan merupakan ibu kota negara Malaysia. Sebagai sebuah ibu kota negara, Kuala Lumpur memainkan pelbagai fungsi. Di sinilah juga segala aktiviti diadakan dan seterusnya menjadi pemangkin untuk memajukan Malaysia seiring dengan kemajuan zaman.

Rangkap Keempat

Kini, Putrajaya telah menjadi pusat urusan pentadbiran negara. Di sinilah tempat pemimpin-pemimpin negara berhimpun. Mereka bersatu hati melahirkan polisi yang membawa negara ke arah pencapaian objektif Wawasan 2020. Segala kemajuan yang dicapai telah meletakkan Malaysia sebagai negara yang berjaya.

Unsur Pengajaran

1. Kita harus bersyukur dengan kemajuan yang kita peroleh.
2. Perasaan bangga dan cinta akan negara perlu ada dalam jiwa rakyat Malaysia.
3. Kita perlu memajukan diri agar tidak ketinggalan dan mampu bersaing dengan kemajuan semasa.



Kefahaman

1. Mengapakah Menara Berkembar Petronas menjadi lambang kebanggaan negara kita?
   - A. terkenal dengan ukiran keseniannya
   - B. terkenal dengan warisan sejarahnya
   - C. terkenal sebagai bangunan pencakar langit
   - D. terkenal sebagai pusat pertemuan para negarawan

2. Antara berikut, yang manakah **bukan** perkhidmatan pengangkutan awam harian rakyat negara ini?
   - A. LRT
   - B. Komuter
   - C. Monorel
   - D. kereta kabel

3. Antara berikut, yang manakah **bukan** menunjukkan Kuala Lumpur merupakan nadi pemangkin kemajuan negara dalam pelbagai kegiatan?
   - A. kegiatan perdagangan
   - B. kegiatan pelancongan
   - C. kegiatan perniagaan
   - D. kegiatan pertanian

4. Apakah nama ibu kota Malaysia?
   - A. Shah Alam
   - B. Putrajaya
   - C. Kuala Lumpur
   - D. Petaling Jaya

5. Di manakah pusat urusan pentadbiran kerajaan yang baharu?
   - A. Putrajaya
   - B. Labuan
   - C. Kuala Lumpur
   - D. Shah Alam

UNIT 9: PERMAAFAN







MEMBACA DAN MEMAHAMI

Sesat di Hujung Jalan Kembali ke Pangkal Jalan

Bahari tinggal di Kampung Kelisa, Perlis. Semasa berusia 13 tahun, dia telah dibuang sekolah kerana sering ponteng sekolah, kaki pukul, dan suka **membuli**[1] pelajar yang lain. Bapanya, Pak Tam telah menyuruh Bahari menoreh pokok getah di kebunnya yang seluas dua hektar dengan upah sebanyak RM15.00 sehari. Namun begitu, Bahari bekerja selama beberapa bulan sahaja bak kata pepatah hangat-hangat tahi ayam. Dia menganggap bahawa kerja menoreh pokok getah amat susah dan tidak sesuai untuk dirinya. Dia menganggur dan sering melepak di warung kopi.

1. membuli:
mempermain-mainkan
欺负

Kosa Kata

"Ayah, Bahari nak ke Kuala Lumpur," katanya.

"Mengapa?" Tanya Pak Tam.



"Saya hendak mencari rezeki di kota. Lagipun upahnya tinggi. Banyak hiburan pula di sana," ujar Bahari sambil merokok.

"Kamu tidak berkelulusan tinggi, hanya tamat sekolah rendah. Siapakah yang hendak mengupah kamu?" Balas Pak Tam dengan nada yang tinggi.

Pada masa itu, Mak Jah yang berada di serambi rumah telah terdengar perbualan anak-beranak tersebut. Dia memang suka akan anak tunggalnya, Bahari bekerja di kota supaya anaknya mengalami hidup pahit manis di kota tanpa bergantung pada orang tua.

"Bang, biarlah anak kita ke kota. Dia sudah berusia awal 20-an, tidaklah anak kita menjadi katak di bawah tempurung kerana duduk di kampung ini sahaja. Biarlah dia bekerja di kota untuk menimba pengalaman yang luas," kata Mak Jah.

Pada keesokan hari, Bahari menaiki bas ekspres ke Kuala Lumpur. Setibanya di Perhentian Bas Pudu Raya, matanya **terkebil-kebil**[2] apabila melihat pembangunan yang begitu pesat bak kata pepatah kerbau terkejut oleh gong. Bangunan-bangunan pencakar langit banyat terdapat di situ. Banyak orang sibuk dengan urusan masing-masing. Sepupunya, Abdul Manaf menjemputnya di stesen bas. Bahari menumpang di rumah sepupunya itu. Bahari cuba mencari kerja di kilang tetapi gagal. Dia tidak mahu bekerja sebagai buruh binaan atau tukang cuci kerana menganggap pekerjaan tersebut bertaraf rendah.

2. terkebil-kebil:
terkelip-kelip
不断眨眼

3. meragut:
menarik dengan paksa
掠夺

4. strategik:
sesuai
适合的

5. habuan:
untung
好处

Kosa Kata

"Susah juga mencari kerja di sini," katanya sendirian sambil berbaring di atas sofa.

"Aku hendak mencari pekerjaan yang senang dan berpendapatan lumayan," bisik hatinya.

"**Meragut**[3] pun banyak dapat wang," bisik hatinya sambil merokok.

Bahari meminjam motosikal sepupunya. Dia sudah tahu akan selok-belok jalan di Kuala Lumpur. Pada mulanya, dia meninjau kawasan yang **strategik**[4] terlebih dahulu. Pada hari yang berikutnya, dia berjaya meragut tas tangan seorang wanita yang sedang berjalan keseorangan. Kemudian, dia menunggang motosikal dengan laju ke rumah sepupunya.



"Wah, banyaknya hasil pada hari pertama ini, RM200! Aku tidak perlu susah bekerja seperti buruh binaan atau pekerja kilang yang lain," bisik hati Bahari yang kegirangan.

"Aku hendak cuba lagi. Harap dapat banyak **habuan**[5] lagi. Aku boleh menyewa rumah sendiri," kata Bahari sambil ketawa berdekah-dekah.

Sepupunya, Abdul Manaf tidak tahu akan perbuatan Bahari kerana dia biasanya balik pada pukul 9.00 malam. Kerjanya di pejabat banyak.


Sejak hari itu, pendapatannya semakin bertambah. Perbuatan meragut memberikan hasil yang lumayan. Adakala Bahari memperoleh hasil ragutan sebanyak RM4,000 yang berupa wang tunai, komputer riba, jam tangan, telefon bimbit dan barang kemas. Dengan hasilnya yang lumayan, Bahari mampu menyewa rumah teres dua tingkat. Perbuatan **laknat**[6]nya tidak diketahui oleh orang tuanya di kampung halaman.

Pada suatu petang, ketika sang suria **mengganas**[7] di kawasan 'segitiga', iaitu di Jalan Chow Kit, Bahari memulakan perbuatan terkutuknya di situ.

Dengan **sekilas**[8] mata, Bahari meragut beg seorang pemuda tetapi pemuda itu menarik begnya sekuat-kuat hati. Bahari tidak dapat mengawal motosikalnya lalu terjatuh. Bahari cepat-cepat bangun dan melarikan diri.

Dengan **terhincut-hincut**[9], Bahari menahan teksi lalu pulang ke rumahnya. Setiba di rumah, Bahari menelefon Abdul Manaf untuk meminta pertolongan. Kakinya yang cedera parah itu memerlukan rawatan doktor. Tidak lama kemudian, Abdul Manaf pun tiba di rumah Bahari. Bahari menceritakan perbuatan jahatnya kepada Abdul Manaf.

"Aku minta maaf kerana menggunakan motosikalkau untuk tujuan jahat itu. Motosikal itu aku tinggalkan di Jalan Chow Kit," kata Bahari sambil mengerang kesakitan.



"Aku maafkan engkau. Engkau perlu **bertaubat**[10]. Lebih baik engkau menyerah diri kepada pihak polis," kata Abdul Manaf dengan tegas.

"Tuhan akan memaafkan engkau jika engkau mengubah sikapkau dan menjadi insan yang mulia," katanya lagi.

Akhirnya, Abdul Manaf membawa Bahari untuk menyerah diri di balai polis.

Kosa Kata

6. laknat:
terkutuk
卑鄙的

7. mengganas:
terik
炎热

8. sekilas:
masa yang singkat
一瞬间

9. terhincut-hincut:
berjalan dengan tempang
一拐一拐地走

10. bertaubat:
menyesal dan berazam untuk membaikkan diri
忏悔





KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Di manakah kampung halaman Bahari?
   - A. Kampung Kelisa
   - B. Kampung Kenari
   - C. Kampung Bahar
   - D. Kampung Jah

2. Apakah pencapaian pendidikan tertinggi yang diperoleh oleh Bahari?
   - A. Tingkatan 3
   - B. Tingkatan 4
   - C. Tahun 1
   - D. Tahun 6

3. Yang mana satukah peribahasa berikut sama maksud dengan pepatah **bagai kerbau terkejut oleh gong**?
   - A. mencurah air ke daun keladi
   - B. rusa masuk ke kampung
   - C. aur dengan tebing
   - D. isi dengan kuku

4. Apakah yang dilakukan oleh Bahari semasa di kota?

   A. mencuri B. merompak C. mencopet D. meragut

5. Antara berikut, sikap yang manakah yang **tidak** dimiliki oleh Bahari?
   - A. malas
   - B. tamak
   - C. penakut
   - D. mementingkan diri

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pepatah katak di bawah tempurung?
2. Mengapakah Bahari tidak suka bekerja sebagai buruh binaan dan pekerja kilang?
3. Apakah jenis kenderaan yang digunakan oleh Bahari semasa menjalankan perbuatan laknatnya?
4. Apakah pekerjaan yang mungkin sekali dilakukan oleh bapa Bahari? Nyatakan alasan anda.
5. Pada pendapat anda, adakah perbuatan Bahari perlu dikenakan hukuman yang berat? Berikan sebab-sebabnya.



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

menoreh : me + no + reh	strategik : stra + te + gik
rezeki : re + ze + ki	laknat : lak + nat
ekspres : eks + pres	meragut : me + ra + gut
terkebil-kebil : ter + ke + bil + ke + bil	menyewa : me + nye + wa
terhincut-hincut : ter + hin + cut + hin + cut	bertaubat : ber + tau + bat




1. Lakonan



Lakonkan watak-watak yang terdapat dalam gambar.

2. Petikan Rakaman

Dengar petikan daripada cakera padat, kemudian jawab soalan-soalan berikut.



1. Berapa orangkah ahli keluarga Encik Khairi?
2. Perniagaan apakah yang diceburi oleh ibu bapa Mohsin?
3. Mengapakah Mohsin berasa sunyi ketika di rumahnya?
4. Apakah yang dilakukan oleh Mohsin pada hari Rabu? Di manakah lokasinya?




1. Surat Kiriman Tidak Rasmi

Anda telah merosakkan kereta mainan yang dipinjam daripada sepupu anda. Oleh itu, anda menulis sepucuk surat kepada sepupu anda untuk meminta maaf atas kelalaian anda. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

2. Bidalan

Baca dan fahami maksud bidalan berikut.

Bidalan	Maksud	Contoh Ayat
cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar 隔墙有耳 	berhati-hatilah ketika memperkatakan sesuatu	"Fairuz, **cakap siang pandang-pandang**, **cakap malam dengar-dengar**, kalau mahu memburukkan nama aku, janganlah sampai ke telinga aku ini," jerkah Katie.
hati hendak semua jadi 有志者，事竟成 	jika ada kemahuan, semua perkara dapat dikerjakan	Puan Sim berjaya dalam perniagaan butik kerana dia berpegang pada prinsip **hati hendak semua jadi**.
orang pemalas susah makan 没劳作，没收获 	orang yang malas bekerja, maka kehidupannya susah	Nenek Ramlah menasihati cucunya agar rajin bekerja dan jangan seperti kata pepatah **orang pemalas susah makan**.

LATIHAN

Isikan bidalan yang sesuai dalam petikan di bawah.

Joe Han ialah anak yatim piatu sejak kecil lagi. Ibu bapanya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Joe Han terpaksa tinggal dengan neneknya di Kampung Budiman, Perak. Setelah tamat persekolahan tingkatan enam, dia meminta kebenaran daripada neneknya untuk mencari rezeki di kota untuk menyara kehidupan neneknya.

"Apabila kamu berada di sana nanti, kamu mesti (1)______________________________. Kamu mesti pandai memilih kawan yang baik," pesan neneknya.

"Ya, nenek. Saya ingat akan pesanan nenek," kata Joe Han.

Ingatlah (2)______________________________. Nanti hidup kamu akan susah. Kamu perlu pegang pada prinsip (3)______________________________ agar berjaya dalam kerjaya," kata nenek.

"Saya akan bekerja dengan rajin. Nenek tidak perlu risau akan saya. Nenek perlu menjaga diri semasa saya di kota nanti," ujar Joe Han dengan suara lembut.



1. Hukum D-M

Hukum D-M ialah hukum tentang cara kata-kata disusun supaya Frasa Nama dapat dibentuk.



Contoh

(a) Pak cik saya membuka **Selera Restoran** pada minggu lepas. (×)
Pak cik saya membuka **Restoran Selera** pada minggu lepas. (✓)

(b) Emak Katie membawa anak buahnya ke **Chong Klinik**. (×)
Emak Katie membawa anak buahnya ke **Klinik Chong**. (✓)

Kekecualian Datuk Seri Abdullah Badawi ialah **Menteri Perdana** yang kelima di Malaysia. (×)

Datuk Seri Abdullah Badawi ialah **Perdana Menteri** yang kelima di Malaysia. (✓)

LATIHAN

Betulkan kesalahan Hukum D-M dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian tulis ayat-ayat itu dengan jawapan yang betul.

1. Adik Sung suka makan goreng cempedak setiap hari.
2. Chempaka Restoran akan dibuka secara rasmi pada akhir bulan November.
3. Semasa sambutan hari jadi Soon Lee, ibunya menyediakan goreng bihun, rendang ayam, merah telur, dan coklat kek.
4. Pisang pengat yang dimasak oleh Puan Kumari sangat enak.
5. Mini Pasar Bahagia akan mengadakan jualan penghabisan stok pada bulan depan.
6. Perkahwinan majlis sepupu saya akan berlangsung pada hari Sabtu ini.
7. Makanan yang masih panas tidak boleh disimpan di dalam plastik bekas.
8. Pak Amir pandai membaiki rotan kerusi yang rosak.
9. Atap rumah di Kampung Kuang masih menggunakan nipah atap.
10. Kanak-kanak suka makan ayam telur rebus separuh masak sebagai sarapan.



11. Pak Cik Azmi menternak daging kambing dan daging ayam secara kecil-kecilan di Kampung Delima.
12. Telur kuning digunakan sebagai bahan untuk kuih bulan.
13. Pengurus Era Popular Kedai Buku akan mengadakan pameran buku di Dewan Perniagaan Cina.
14. Kereta enjin yang telah rosak itu tidak dapat dibaiki lagi.
15. Datuk saya terpaksa menggunakan kayu tongkat untuk berjalan.
16. Air mineral botol boleh dikitar semula untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.
17. Kewangan Menteri negara itu telah meletakkan jawatan kerana diserang penyakit jantung.
18. Penggunaan kredit kad dalam kalangan rakyat Malaysia perlu dipantau oleh pihak Bank Negara.
19. Puan Fazira menguli gandum tepung untuk membuat doh roti.
20. Encik Norizam berasa gembira apabila dikurniai Tuhan seorang mata cahaya lelaki.

2. Kesalahan Penggunaan Kata Tugas

Kata Tugas

Perkataan yang mempunyai fungsi tertentu, misalnya sebagai penghubung penerang, penentu, penguat, pembenar, penafi, pemeri, pendepan, pembantu, dan penegas dalam sesuatu ayat, klausa atau frasa.

Kata Tugas

1. Kata Penyambung Ayat
   - Kata Hubung

2. Kata Praklausa
   a) Kata Seru
   b) Kata Tanya
   c) Kata Perintah
   d) Kata Pembenar
   e) Kata Pangkal Ayat

3. Kata Prafrasa
   a) Kata Bantu
   b) Kata Penguat
   c) Kata Pemeri
   d) Kata Penegas
   e) Kata Nafi
   f) Kata Bilangan
   g) Kata Arah
   h) Kata Sendi Nama


Kata Penyambung Ayat	Kata Praklausa	Kata Prafrasa
bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi Ayat Majmuk	berfungsi untuk menimbulkan maksud seruan, pertanyaan, pengesahan atau sebarang penerang pangkal ayat	perkataan yang terletak di hadapan frasa, sama ada Frasa Nama, Frasa Kerja atau Frasa Adjektif
Kata Hubung **Contoh:** 1. Ai Ling **dan** adiknya mencuci baju di tepi perigi. 2. Berita tentang rompakan di kedai emas itu **entah** betul **entah** tidak.	**(a) Kata Seru** **Contoh:** 1. **Nah**, ambil semua barang engkau! 2. **Aduhai**, malang sungguh nasibnya!	**(a) Kata Bantu** **Contoh:** 1. Ayah Meng Keong **belum** balik ke rumah. 2. Kawan Betty **pernah** belajar di Sekolah Kebangsaan Methodist.

	(b) Kata Tanya **Contoh:** 1. **Bilakah** kita akan bertolak ke Melaka? 2. Tetamu yang datang itu **siapa**?	**(a) Kata Penguat** **Contoh:** 1. (a) Pakaian seragam murid itu **sangat** kemas. (b) Pakaian seragam murid itu kemas **sangat**. 2. Perigi di belakang rumah pak cik **terlalu** dalam.
	(c) Kata Perintah **Contoh:** 1. **Silalah** datang ke rumah saya. 2. **Tolong** buang pen itu.	**(c) Kata Pemeri** **Contoh:** 1. Keris Mas **ialah** sasterawan Malaysia. 2. Cerita yang disampaikan oleh datuk **adalah** benar.
	(d) Kata Pembenar **Contoh:** 1. "**Ya**, saya yang melakukannya," kata Yusri dengan berani. 2. "**Benar**, merekalah yang datang ke rumah saya," kata Hasri kepada Pak Khairi.	**(d) Kata Penegas** **Contoh:** 1. Mereka**lah** pelajar saya. 2. Nelayan **pun** turun ke laut selepas makan sarapan.
	**(e) Kata Pangkal Ayat** **Contoh:** 1. **Maka** baginda pun berangkat ke sana. 2. **Hatta** pahlawan itu pun dihadapkan ke muka pengadilan.	**(e) Kata Nafi** **Contoh:** 1. Pemuda itu **bukan** kawan baik saya. 2. Emak Siew Man **tidak** bekerja pada hari minggu.

		(f) Kata Bilangan **Contoh:** 1. **Beberapa** orang pekerja asing telah ditangkap oleh pihak polis. 2. Ming En menerima **separuh** daripada harta pusaka datuknya.
		(g) Kata Arah **Contoh:** 1. Ikan-ikan berenang di **dalam** kolam. 2. Rumahnya terletak di **hadapan** pejabat pos.
		(h) Kata Sendi Nama **Contoh:** 1. Hadiah itu **daripada** ibunya. 2. Hadi suka makan bihun sup **di** gerai itu.



saya bermasalah dengan...



LATIHAN

Betulkan kesalahan penggunaan Kata Tugas dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian tulis ayat-ayat yang betul dalam buku latihan.

1. Rumah tiga tingkat di Bukit Belimbing begitu cantik sekali.
2. Gunung Kinabalu terletak pada negeri Sabah.
3. Soh Mei Hui terpaksa pulang ke rumah sebab demam panas.
4. Beberapa buah kereta-kereta mewah yang terletak di kawasan lapang telah dicuri oleh kumpulan sindiket.
5. Adalah dimaklumkan bahawa ibu bapa harus memantau masalah ponteng dalam kalangan pelajar.
6. Menara Berkembar Petronas adalah bangunan yang tertinggi dan tercanggih sekali di Malaysia.
7. Pak Halim merupakan bomoh yang begitu paling tersohor sekali di Kampung Ampang.
8. Sesetengah dari perabot kayu jati di Kedai Antik Jai telah dirampas oleh pihak berkuasa.
9. Sarung-sarung batik daripada Indonesia murah.
10. Dua orang anak Mak Cik Koh sudah melanjutkan pelajaran di England.
11. Wah, bila abang ngah balik!
12. Negeri Perlis terletak di tenggara Semenanjung Malaysia.
13. "Skirt itu baru saya beli dari Pusat Beli-belah Jaya Jusco," kata Zarina sambil menunjukkannya kepada Fauziah.
14. "Agaklah anak kamu sakit kerana dia asyik menangis sejak tadi," kata Puan Sally kepada Seha.
15. Syamsul terlaksana lipas kudung apabila membersihkan kawasan halaman rumah.
16. "Bas ekspres yang baru tiba itu tidak dari Lumut," kata Liza kepada wanita tua itu.
17. Sedangkan guru disiplin tidak terkawal disiplin para pelajar Sekolah Intan ataupun saya sebagai guru subjek.
18. "Apakah nama saudari?" Tanya Encik Ngo kepada pemuda yang berkemeja putih itu.
19. Saya akan menyertai Program Motivasi Guru-guru pada bulan yang lalu.
20. Cik Mah Sui Chan atau Cik Rajesh telah berjaya menjalankan perniagaan alat-alat sukan.

3. Kesalahan Pembentukan Ayat Majmuk

Ayat Majmuk

Ayat yang terdiri daripada dua atau lebih Ayat Tunggal. Ayat-ayat tunggal ini dicantumkan menjadi Ayat Majmuk dengan menggunakan Kata Hubung.

1. Ayat Majmuk Gabungan (menggunakan Kata Hubung Gabungan)
2. Ayat Majmuk Pancangan (menggunakan Kata Hubung Pancangan)
3. Ayat Majmuk Campuran





A. Pembentukan Ayat Majmuk Gabungan

	Ayat Tunggal	Pembentukan Ayat Majmuk Gabungan	Penerangan
1(a)	Rohaya berbaring.	Rohaya berbaring **dengan** menonton televisyen. (×)	Kata Sendi Nama '**dengan**' tidak boleh disamakan fungsinya dengan Kata Hubung '**sambil**'.
(b)	Rohaya menonton televisyen.	Rohaya berbaring **sambil** menonton televisyen. (✓)	
2(a)	Kartini menutup pintu.	Kartini menutup pintu **tetapi** menguncinya. (×)	Kata Hubung '**lalu**' berfungsi menggabungkan ayat-ayat tunggal yang susunannya berurutan.
(b)	Kartini mengunci pintu.	Kartini menutup pintu **lalu** menguncinya. (✓)	

B. Pembentukan Ayat Majmuk Pancangan

	Ayat Tunggal	Pembentukan Ayat Majmuk Gabungan	Penerangan
1(a)	Basikal itu kotor.	Basikal itu **yang** kotor basikal Suhaimi. (×)	Kata Hubung '**yang**' terletak dalam kedudukan yang tidak tepat dalam ayat.
(b)	Basikal itu basikal Suhaimi.	Basikal **yang** kotor itu basikal Suhaimi. (✓)	
2(a)	Encik Arun yakin.	Encik Arun yakin dia boleh berjaya. (×)	Kata Hubung Pancangan tidak boleh digugurkan sewenang-wenangnya dalam ayat.
(b)	Encik Arun boleh berjaya.	Encik Arun yakin **bahawa** dia boleh berjaya. (✓)	
3(a)	Lee Ching mengatakan sesuatu.	Lee Ching mengatakan **yang** dia datang lambat hari ini. (×)	Kesalahan menggunakan Kata Hubung Pancangan.
(b)	Lee Ching datang lambat hari ini.	Lee Ching mengatakan **bahawa** dia datang lambat hari ini. (✓)	



C. Pembentukan Ayat Majmuk Campuran

	Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk	Pembentukan Ayat Majmuk Campuran	Penerangan
1(a)	Pey Sze ialah kawan baik saya.	Pey Sze **dan** Irene, Syarifah ialah kawan baik saya **dan** belajar sekelas dengan saya. (×)	Kesalahan menggabungkan Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk.
(b)	Irene dan Syarifah ialah kawan baik saya serta belajar sekelas dengan saya.	Pey Sze, Irene, **dan** Syarifah ialah kawan baik saya **serta** belajar sekelas dengan saya. (✓)	
2(a)	Orang itu miskin dan mempunyai anak yang banyak.	Orang itu miskin **bukan sahaja** mempunyai anak yang banyak **tetapi** hidupnya bahagia kerana mendapat rezeki setiap hari. (×)	Kesalahan menggunakan Kata Hubung dalam ayat.
(b)	Hidupnya bahagia kerana mendapat rezeki setiap hari.	**Walaupun** orang itu miskin dan mempunyai anak yang banyak **tetapi** hidupnya bahagia kerana mendapat rezeki setiap hari. (✓)	



LATIHAN


Betulkan kesalahan pembentukan Ayat Majmuk dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian tulis ayat-ayat yang betul dalam buku latihan.

1. Dia berbaring manakala membaca majalah Dewan Siswa.
2. Cik Anna Lee akan ke kolej dan ke bank?
3. Farah Din cantik lalu berbudi bahasa orangnya.
4. Puan Chong membaca surat khabar manakala menunggu anaknya menyiapkan kerja rumah.
5. Buku ini berguna bukan sahaja kepada para remaja ataupun kepada para ibu bapa.
6. Norzie gagal dalam peperiksaan walaupun malas belajar.
7. Seng Keong mengemaskan bilik tidur selepas pergi ke pejabat.
8. Entah benar ataupun tidak cerita hantu yang diceritakan oleh Ming En.
9. Kamu mestilah berhati-hati untuk berada di Perhentian Bas Pudu Raya.
10. Pihak polis mengawal kesesakan lalu lintas di Jalan Chow Kit apabila malam tadi.
11. Encik Leong dan isterinya sangat gembira tetapi ketiga-tiga orang anaknya berjaya mendaki Gunung Everest.
12. Roslinda sedar yang perniagaan menjual kereta terpakai semakin merosot.
13. Yee Ling akan mendapat sebuah rumah banglo tiga tingkat walaupun dia berkahwin dengan Dato' Kam.
14. Suhaimi mengecat pagar sambil Rashid memotong rumput.
15. Rosie sibuk mengemas rumah agar adiknya hanya duduk-duduk di ruang tamu.
16. Saya berharap untuk adik bongsu saya lulus dengan cemerlang dalam Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.
17. Sebelum kerjanya selesai, barulah dia pulang ke rumah.
18. Perdana Menteri menegaskan agar projek pembinaan jambatan yang kedua di Pulau Pinang mesti dimulakan.
19. Pondok itu akan dirobohkan oleh pihak berkenaan kerana masih kukuh binaannya.
20. Sekiranya dia tidak sihat, dia masih datang ke sekolah.



Rumusan Graf Garisan

1. Kaji graf garisan di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat dalam graf tersebut, huraikan bilangan sekolah Cina Malaysia dari tahun 1950 hingga tahun 2000. Huraian anda **hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan**.





Panduan Rumusan

Pengenalan

Keseluruhan graf garisan itu menunjukkan apa

Isi Tersurat

1. bilangan sekolah Cina semakin meningkat dari tahun ke tahun
2. tahun 1950 berapa buah sekolah
3. tahun 1970 berapa buah sekolah
4. tahun 1990 berapa buah sekolah
5. tahun 2000 berapa buah sekolah

Isi Tersirat


1. sebab berlaku peningkatan
2. kesan peningkatan bilangan sekolah
3. faedah peningkatan bilangan sekolah


Kesimpulan

cadangan dan harapan terhadap sekolah Cina



2. Kaji graf garisan di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat dalam graf tersebut, huraikan kadar penggunaan komputer di sekolah-sekolah. Huraian anda **hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan**.





UNIT 10:
MENZIARAHI NENEK DI DESA






MEMBACA DAN MEMAHAMI

Kenangan di Desa Nenekku

Kerinduanku terhadap nenek di desa sudah lama **menebal**[1] dalam sanubari. Untuk mengubati kerinduanku, pada cuti semester yang lalu, aku dan keluarga pulang ke Kampung Changkat, Beruas, Perak. Sebelum berangkat, aku mengemaskan diri dan bersarapan dengan keluarga. Kami bertolak dari ibu kota pada pukul 7.00 pagi. Perjalanan kami ke desa mengambil masa selama empat jam.

Setelah sekian lama dalam perjalanan, akhirnya kami tiba di rumah nenek. Tidak sabar-sabar lagi aku mendapatkan nenek, Pak Su, dan Mak Su untuk bertanya khabar. Betapa gembiranya mereka dapat berjumpa kami sekeluarga. Mereka menyambut kami dengan tangan terbuka. Maklumlah sudah setengah tahun kami tidak pulang ke desa. Setelah berehat sebentar, kami menjamu selera. Wah, masakan kampung enak sekali! Masakan nenek telah membuka seleraku sehingga aku menghabiskan dua pinggan nasi. Emakku terkejut kerana aku begitu berselera ketika makan.



Menjelang waktu subuh, aku bangun. Aku tidak dapat tidur lena kerana terpaksa tidur beralaskan tikar yang sememangnya tidak biasa kualami. Aku terus mandi dan **bersolat**[2]. Nenek juga bangun awal untuk menyediakan sarapan. Siap bersolat, aku duduk di

Kosa Kata

1. **menebal:** mendalam 強烈
2. **bersolat:** bersembahyang 祈祷




serambi[3] rumah sambil menghirup kesegaran angin pagi. Suasana pada waktu pagi sunyi sepi. Udara yang nyaman seperti itu tidak dapat aku rasai di kawasan 'hutan batu'. Kedinginan pagi **menusuk**[4] tulang-temulang tubuhku yang kurus ini, menyebabkan badanku **menggigil**[5] kesejukan. Aku melihat daun-daun hijau masih dibasahi titik-titik embun. Nun jauh di atas pokok, kedengaran kicauan burung yang amat menghiburkan aku.

Pada pukul 7.30 pagi, Pak Su mengajak kami ke dusunnya. Aku dan adik mengayuh basikal sepupu kami ke dusun. Pak Su pula menunggang motosikal. Kami **mengekori**[6]nya. Setiba di dusun, kami begitu gembira apabila melihat pokok buah-buahan sedang berbuah lebat. Kali ini, Pak Su mesti mendapat durian runtuh kerana hasilnya sangat banyak jika dibandingkan pada tahun lepas. Dari celah-celah daun pokok, aku melihat sang mentari baru 'bangun dari **peraduan**[7]' melepaskan cahayanya. Angin juga bertiup **silir-semilir**[8]. Burung pula riuh berkicau-kicauan menyambut ketibaan hari baharu. "Tenang sungguh kawasan kampung ini," bisik hatiku.

Dusun Pak Su kaya dengan pelbagai jenis buah seperti durian, rambutan, dokong, pisang, langsat, manggis, ciku, dan sukun. Aku membantu Pak Su mengutip buah durian yang gugur ke dalam sebuah bakul manakala Pak Su pula **mencantas**[9] daun-daun pisang yang sudah tua. Pak Su melihat ada beberapa biji jantung pisang yang boleh diambil lalu mencantasnya. Adik pula mengutipnya. Jantung pisang enak dimasak gulai lemak cili padi. Setelah penat, kami duduk di bawah sebatang pokok yang rendang untuk menikmati buah-buahan tersebut sepuas-puas hati.

Masa berlalu dengan cepat. Nampaknya kami telah bercuti selama empat hari di kampung. Pada hari kelima, kami sekeluarga terpaksa pulang ke ibu kota kerana ayah dan emak perlu bekerja




3. **serambi:**
selasar yang panjang
走廊

4. **menusuk:**
meresap
刺

5. **menggigil:**
menggeletar
发抖


6. **mengekori:**
mengikut
随



7. **peraduan:**
tempat tidur
寝室


8. **silir-semilir:**
bertiup secara perlahan-lahan
吹拂

9. **mencantas:**
memangkas
修剪



Kosa Kata

semula. Di samping itu, aku perlu mengulang kaji pelajaran kerana pada tahun depan aku akan menduduki Penilaian Menengah Rendah(PMR). Berat hatiku untuk meninggalkan kampung halaman dan nenek. Aku suka tinggal di kampung ini kerana keindahan alam semula jadinya dan suasana persekitaran yang nyaman serta warga kampungnya yang ramah dan mesra.



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Di manakah penulis dan keluarganya bercuti?

   A. Kampung Acheh B. Kampung Changkat
   C. Kampung Langat D. Kampung Koh

2. Apakah pekerjaan Pak Su?

   A. pesawah B. penoreh
   C. pekebun D. peladang

3. Apakah yang dilakukan oleh Pak Su di kebunnya?

   I mencantas jantung pisang
   II mencantas daun pisang yang tua
   III mengutip jantung pisang
   IV mengutip buah durian yang gugur

   A. I dan II B. I dan IV
   C. II dan III D. III dan IV

4. Apakah maksud rangkai kata ‘bangun dari peraduan’?

   A. sedar diri B. terbit
   C. terbenam D. sembuh

5. Yang mana satukah pernyataan di bawah menunjukkan kampung nenek penulis masih mengekalkan keindahan alam semula jadi?
   A. Penduduk kampung nenek suka cara hidup primitif.
   B. Kampung nenek terletak jauh di kawasan pedalaman.
   C. Bentuk muka bumi kampung nenek menyukarkan pembangunan.
   D. Kampung nenek kurang menerima pembangunan yang pesat.

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Berikan maksud rangkai kata ‘tangan terbuka’?
2. Apakah pendapat ‘aku’ tentang masakan di kampung?
3. Nyatakan suasana di kampung halaman nenek pada waktu subuh.
4. Apakah yang dilakukan oleh ‘aku’ dan adik ‘aku‘ ketika di dusun Pak Su?
5. Pada pendapat anda, mengapakah ‘aku’ suka tinggal di kampung halaman?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.


selera : se + le + ra	peraduan : pe + ra + duan
bersolat : ber + so + lat	dokong : do + kong
serambi : se + ram + bi	rendang : ren + dang
embun : em + bun	mengekori : me + nge + ko + ri
kicauan : ki + cau + an	menengah : me + ne + ngah



1. Bertutur

Ceritakan keadaan dan suasana yang terdapat di Kampung Aman.





Kampung Aman

2. Mendengar

Dengar perbualan daripada cakera padat, kemudian jawab soalan-soalan berikut.



1. Berapa lamakah Yati bercuti di kampung halaman?
   A. seminggu
   B. dua minggu
   C. tiga minggu
   D. empat minggu

2. Apakah makanan kegemaran Yati?
   A. mi rebus
   B. mi siam
   C. mi goreng
   D. mi kicap

3. Apakah pekerjaan nenek Yati?
   A. menanam pokok bunga
   B. menanam sayur-sayuran
   C. menanam pokok getah
   D. menanam buah-buahan

4. Mengapakah tanah perlu dicangkul terlebih dahulu sebelum ditanam sayur-sayuran?
   A. untuk menyuburkan tanah
   B. untuk mematangkan sayur
   C. untuk mengelakkan hakisan
   D. untuk menggemburkan tanah

5. Yang mana satukah pernyataan di bawah merupakan kesan negatif penggunaan racun?
   A. menjejaskan kesihatan insan
   B. meningkatkan hasil pertanian
   C. mengelakkan serangga perosak
   D. mengurangkan pencemaran udara



1. Karangan Jenis Pengalaman

Kebiasaannya para pelajar perlu menggambarkan peristiwa yang berlaku. Gambaran ini merangkumi kejadian banjir, kebakaran, rompakan, kemalangan serta pengalaman anda semasa membeli-belah di sesuatu tempat, berkelah di pantai, bercuti di pusat peranginan, mendaki gunung, berkhemah di hutan dan sebagainya.

KARANGAN JENIS PENGALAMAN

Karangan ini menceritakan pengalaman yang dialami sendiri secara langsung atau tidak langsung (hasil pembacaan, tontonan dan sebagainya).



Ciri-ciri Karangan Jenis Pengalaman

★ mempunyai pengenalan, perkembangan isi-isi mengikut urutan, dan penutup
★ memuatkan sikap dan pandangan serta pengalaman anda bagi menggambarkan peristiwa yang berlaku
★ tidak boleh menyelitkan cerita fantasi dan cerita dongeng
★ boleh menggunakan bahasa yang berbunga-bunga

Kemampuan Pelajar Menulis Karangan Jenis Pengalaman

▲ pelajar yang banyak membaca
▲ pelajar pernah mengalami sesuatu kejadian atau melihat sesuatu kejadian yang berlaku

LATIHAN

A. Pada hujung minggu yang lalu, anda dan keluarga anda telah berkelah di kawasan air terjun. Ceritakan pengalaman anda. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

Rangka

Pengenalan

- pada hari Jumaat – berkelah di air terjun Hutan Lipur Ledang, Tangkak, Johor Darul Takzim
- kebetulan hari tersebut ialah cuti umum
- dengan kereta – membawa bekalan makanan

Isi

1. teringin – terjun ke dalam takungan air – setiba di Hutan Lipur Ledang – setelah siap mengemas barang – ayah mengajak kami turun ke dalam air – ibu duduk di bawah sebatang pokok yang rendang – membaca majalah
2. airnya sejuk dan jernih – berasa seronok sekali – ramai orang juga mandi bersama-sama – memancing ikan – banyak ikan
3. tiba-tiba seorang kanak-kanak menjerit – lemas – menolongnya dengan segera – menariknya ke tepi – kanak-kanak – selamat – terus bermain air
4. berasa lapar – makan – bekalan yang dibawa dari rumah – berehat – mengambil gambar pemandangan alam semula jadi – sebagai kenangan

Kesimpulan

- waktu petang – mengemas barang – balik ke rumah – gembira berkelah – berasa letih
- ingin datang lagi– pengalaman menyelamatkan kanak-kanak – segar dalam benak – hingga hari ini

B. Pada musim tengkujuh yang lalu, kampung anda telah dilanda banjir. Perihalkan pengalaman anda semasa menghadapi banjir. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

Pengenalan

- musim tengkujuh – bulan Disember – hujan lebat – tidak berhenti-henti – tiga hari – paras air sungai melimpah

Isi

1. beberapa anak tangga – dinaiki air – bapa – mengemas barang-barang berharga – ibu mengumpulkan dokumen penting – beg – barang elektrik seperti kipas, peti sejuk, televisyen – di atas meja – rak – air semakin naik – berpindah dengan segera

2. dibawa – pusat pemindahan – pasukan penyelamat – bot penyelamat – harta benda penduduk hanyut – bangkai haiwan kelihatan terapung-apung – permukaan air – sampah sarap

3. tiba di pusat pemindahan – kawasan yang lebih tinggi – banyak penduduk – berada di situ – diberikan bantuan makanan dan pakaian – pegawai perubatan – memberikan rawatan – mangsa-mangsa banjir

4. penduduk bekerjasama – menyediakan makanan – bagai aur dengan tebing – kanak-kanak bermain-main – bayi-bayi tidur di dalam buaian – tidur tidak selesa – beralaskan tikar sahaja

Penutup

- beberapa hari di pusat pemindahan – banjir pun surut – dibenarkan pulang – bekerjasama – membersihkan rumah – berlumpur – perabot yang rosak dibuang
- menyedari kepentingan menjaga kebersihan longkang dan sungai

2. Bina Ayat

Bina satu ayat bagi setiap kosa kata di bawah ini dengan tidak kurang daripada lapan patah perkataan.

1. menjamu selera
2. menghabiskan
3. menghirup
4. menusuk
5. lamunan
6. tersentak
7. bingkas
8. silir-semilir
9. berkicau-kicauan
10. bergegas



1. Kesalahan Umum Kata Kerja Transitif dan Kata Kerja Tak Transitif

Anda telah mempelajari Frasa Kerja Transitif (Unit 7) dan Frasa Kerja Tak Transitif (Unit 6) dalam buku Tingkatan 1. Dalam buku Tingkatan 2 pula, anda telah mempelajari Ayat Aktif Transitif (Unit 3) dan Ayat Aktif Tak Transitif (Unit 4). Dalam unit ini, anda perlu mengenal pasti kesalahan umum Kata Kerja Transitif dan Kata Kerja Tak Transitif.

A. Kata Kerja Transitif

Penerangan	Contoh Ayat
Kata Kerja Transitif mesti disertai objek (Kata Nama) sahaja	Encik Lim **mendiami di** <u>Bandar Baharu Sungai Long</u>. (✗) **mendiami** → Kata Kerja Transitif **di** → Kata Sendi Nama <u>Bandar Baharu Sungai Long</u> → Objek (Kata Nama) Encik Lim **mendiami** <u>Bandar Baharu Sungai Long</u>. (✓)



B. Kata Kerja Tak Transitif

Bil.	Penerangan	Contoh Ayat
1.	Kata Kerja Tak Transitif yang berimbuhan “ber–...–kan” tidak boleh diikuti dengan Kata Sendi Nama	Pak Yusuf **bermandikan dengan** <u>peluh</u>. (×) Kata Kerja TaK Transitif — Kata Sendi Nama — Pelengkap Pak Yusuf **bermandikan** <u>peluh</u>. (✓)
2.	Kata Kerja Tak Transitf dengan Kata Nama sebagai penerang (penerang boleh ditiadakan tanpa merosakkan kesempurnaan makna ayat) 	Adik saya **belajar** <u>bahasa Jepun</u>. Kata Kerja Tak Transitif — penerang (boleh digugurkan) Mereka **bersawah** <u>padi</u>. Kata Kerja Tak Transitif — penerang (boleh digugurkan)

LATIHAN

A. Betulkan kesalahan Kata Kerja Transitif dan Kata Kerja Tak Transitif dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian tulis ayat-ayat itu dengan jawapan yang betul.

1. Anak-anak pengemis tidur hanya berselimutkan dengan surat khabar.
2. Puan Ngoi sedang memasak dengan nasi dan rendang ayam.
3. Tiap-tiap pagi Isnin, ketua pengakap menaikkan ke atas bendera Jalur Gemilang.
4. Cikgu Chong menghadiahi akan ketua darjah sebuah buku novel.
5. Mak Cik Ng selalu merindui akan anak sulungnya yang berada di New Zealand.
6. Pemain bola keranjang Sekolah Menengah Kuen Cheng menjalankan latihan pada setiap petang.
7. Orang asli Negrito mendiami di Tasik Chini sejak berkurun-kurun.
8. Rumah panjang kaum Penan berhampiran Empangan Bakun.
9. "Kamu mesti ingat pesanan ibu," kata Puan Ong kepada anaknya, Kim Huat.
10. Kamus Perdana milik Norlida berbalutkan dengan kertas yang berwarna-warni.
11. Susila bertanya khabar datuk nenek Robin Liew yang tinggal di Kampung Kamaruddin.
12. Mei Fong menghidangi untuk tetamu itu segelas jus ulam raja.
13. Tukang jahit menjahitkan kepada Sook Chin sepasang baju kebaya labuh.
14. Ketua kampung tidak mengetahui akan adat resam orang Minangkabau.
15. Para pelancong gemar permainan gasing dan congkak.
16. Warga Vietnam yang datang bekerja di Malaysia tidak fasih akan berbahasa Malaysia.
17. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan tentang masalah disiplin para pelajar.
18. Cara hidup yang berkaitan kesihatan suku kaum Pigmi yang primitif di Afrika telah mendapat perhatian daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia.
19. Baju pengantin Siti Nurhaliza bertatahkan dengan batu permata.
20. Rumah-rumah di Kampung Sitiawan beratapkan dengan daun rumbia.

B. Sebahagian daripada ayat-ayat yang berikut telah dicetak tebal. Bahagian yang dicetak tebal itu mungkin mempunyai kesalahan dalam penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa pada bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B, atau C sebagai jawapan pilihan anda. Jika tiada kesalahan, tandakan D.

1. Alice dan Kavita selalu **bermain batu seremban di halaman rumah** pada waktu petang.
   A. bermain dengan batu seremban di halaman rumah
   B. bermain-main dengan batu seremban di halaman rumah
   C. bermainkan batu seremban di halaman rumah
   D. bermain batu seremban di halaman rumah

2. Kakak long **menukarkan dengan langsir dengan yang baharu** sebelum Tahun Baharu Cina.
   A. bertukar dengan langsir dengan yang baharu
   B. menukari langsir dengan yang baharu
   C. menukarkan langsir dengan yang baharu
   D. menukarkan dengan langsir dengan yang baharu

3. Abang telah **menghadiahi kepada kekasihnya seutas rantai emas** pada minggu lepas.
   A. menghadiahi kekasihnya seutas rantai emas
   B. menghadiahkan kekasihnya seutas rantai emas
   C. menghadiah kepada kekasihnya seutas rantai emas
   D. menghadiahi kepada kekasihnya seutas rantai emas

4. "Kamu harus **mengakui akan kesalahanmu**," kata Puan Leong kepada anaknya.
   A. beraku akan kesalahanmu
   B. mengakui kesalahanmu
   C. mengakui terhadap kesalahanmu
   D. mengakui akan kesalahanmu

5. Perompak itu **bersenjatakan dengan sepucuk pistol** semasa merompak kedai emas.
   A. bersenjatakan akan sepucuk pistol
   B. bersenjata sepucuk pistol
   C. bersenjatakan sepucuk pistol
   D. bersenjatakan dengan sepucuk pistol

6. Pihak berkuasa bercadang untuk **mendalamkan Sungai Lekir** pada tahun depan.
   A. mendalami Sungai Lekir
   B. mendalamkan lagi Sungai Lekir
   C. mendalam Sungai Lekir
   D. mendalamkan Sungai Lekir

7. Abang Muliati **akan balik kampung halaman** pada minggu hadapan.
   A. akan balik ke kampung halaman
   B. akan balik di kampung halaman
   C. akan berbalik ke kampung halaman
   D. akan balik kampung halaman

8. Rumah baharu datuk yang telah siap dibina itu **berdekatan rumah sepupu saya**.
   A. berdekatan di rumah sepupu saya
   B. berdekatan dengan rumah sepupu saya
   C. berdekat dengan rumah sepupu saya
   D. berdekatan rumah sepupu saya

9. Semua guru di Sekolah Inai harus **menyertai kem motivasi** di Gua Tempurung.
   A. menyertai akan kem motivasi
   B. sertai kem motivasi
   C. menyertakan kem motivasi
   D. menyertai kem motivasi

10. Kawan-kawan Melisa tidak **mempercayai akan kata-katanya** kerana dia selalu bercakap bohong.
   A. percayai akan kata-katanya
   B. mempercaya kata-katanya
   C. mempercayai kata-katanya
   D. mempercayai akan kata-katanya

2. Penggunaan Kata Majmuk

Sebelum anda mengenal pasti kesalahan penggunaan Kata Majmuk, anda perlu memahami penggunaan Kata Majmuk dengan tepat.

A. Kata Majmuk

Kata Majmuk terhasil daripada proses merangkaikan dua Kata Dasar atau lebih yang membawa makna tertentu.

B. Bentuk Kata Majmuk

Bentuk Kata Majmuk

- Rangkai Kata Bebas
- Istilah Khusus Dalam Bidang Ilmiah
- Maksud Kiasan (simpulan bahasa)

i. Rangkai Kata Bebas

Rangkai Kata Bebas ini terbentuk dengan menggabungkan dua atau lebih golongan kata, iaitu Kata Nama, Kata Adjektif atau Kata Kerja. Rangkai kata bebas ini ditulis secara terpisah.

Contoh

Kata Nama + Kata Nama	Kata Nama + Kata Kerja	Kata Nama + Kata Adjektif
jam tangan	kapal terbang	guru besar
gambar rajah	meja tulis	susu pekat
mata pelajaran	alat tulis	baju merah
kerusi kayu	buku kerja	meja bulat

ii. Istilah Khusus dalam Bidang Ilmiah

Istilah khusus digunakan dalam bidang geografi, sains dan sebagainya turut ditulis secara terpisah.

Contoh

Istilah Geografi	Istilah Sains	Istilah Matematik
muka bumi	medan sinaran	graf terarah
tanah pamah	pundi kencing	tanda gundal
tasik buatan	sinar ungu	titik tengah
peta topografi	kanta mata	hukum metrik
bearing sudutan	deria sentuh	nombor ganjil

iii. Maksud kiasan (Simpulan Bahasa)

Rangkai kata ini digunakan sebagai Simpulan Bahasa.

Contoh

anak emas	durian runtuh	puteri lilin
anak angkat	lipas kudung	rabun ayam
atas angin	langkah kanan	rambang mata
batu api	langkah kiri	serkap jarang
cakar ayam	makan suap	tali barut

C. Pembentukan Kata Majmuk

i. Bentuk yang mantap (ditulis sebagai satu perkataan)

Contoh

kerjasama	antarabangsa	setiausaha
tandatangan	sukarela	kakitangan
matahari	tanggungjawab	warganegara
pesuruhjaya	suruhanjaya	beritahu
bumiputera	jawatankuasa	olahraga

ii. Pengimbuhan Kata Majmuk

a. Imbuhan Awalan atau Imbuhan Akhiran (ditulis terpisah)

Contoh

Imbuhan Awalan	Imbuhan Akhiran
berterima kasih	daya serapan
direka bentuk	kenal pastikan
mengulang kaji	kuat kuasakan
bercampur aduk	hubung kaitkan
berurus niaga	kemas kinikan
bersatu padu	lipat gandakan



b. Imbuhan Apitan (ditulis dalam satu perkataan)

Contoh

Kata Majmuk (tanpa imbuhan)	Kata Majmuk (dengan imbuhan apitan)
campur aduk	mencampuradukkan
satu padu	menyatupadukan
kemas kini	mengemaskinikan
tidak adil	ketidakadilan
ibu bapa	keibubapaan
urus niaga	mengurusniagakan
kuat kuasa	penguatkuasaan
ambil alih	pengambilalihan
hubung kait	dihubungkaitkan



D. Kesalahan Penggunaan Kata Majmuk

Contoh

Bil.	Penerangan	Contoh Ayat Yang Salah	Contoh Ayat Yang Betul
1.	Kata Majmuk berimbuhan awalan atau akhiran mesti ditulis secara terpisah.	Para peniaga tempatan yang **berurusniaga** dengan peniaga luar negara mesti berdaya saing untuk memajukan perniagaan.	Para peniaga tempatan yang **berurus niaga** dengan peniaga luar negara mesti berdaya saing untuk memajukan perniagaan.
2.	Kata Majmuk yang berimbuhan apitan mesti ditulis dalam satu perkataan.	**Penguat kuasaan** undang-undang harus dilakukan untuk membendung masalah jenayah di Malaysia.	**Penguatkuasaan** undang-undang harus dilakukan untuk membendung masalah jenayah di Malaysia.
3.	Kata Majmuk boleh digandakan pada perkataan pertama sahaja.	**Buku kerja–buku kerja** sekolah yang dijual di kedai buku itu sangat murah.	**Buku-buku kerja** sekolah yang dijual di kedai buku itu sangat murah.



LATIHAN

A. Betulkan kesalahan penggunaan Kata Majmuk dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian tulis ayat-ayat itu dengan jawapan yang betul.

1. Meja tulis-meja tulis yang baharu telah dibeli oleh pihak sekolah.
2. Ibu-bapa harus memupuk amalan membaca dalam kalangan anak sejak kecil.
3. Kerajaan Malaysia akan memperlebar lebuh raya-lebuh raya di setiap negeri pada tahun depan.
4. Setia usaha Persatuan Geografi dikehendaki untuk menyediakan rancangan aktiviti tahunan.
5. Pada waktu tengahari, pesawah akan berehat di bawah sebatang pokok yang rendang.
6. Di Terengganu dan di Sarawak tidak terdapat landasan keretapi kerana keadaan bentuk muka bumi yang tidak sesuai untuk pembinaan landasan.
7. Kerajaan harus menguat kuasakan undang-undang untuk mengatasi masalah penyeludupan dadah yang semakin berleluasa.
8. Ibu kota-ibu kota di seluruh dunia mengalami masalah pencemaran yang amat serius akibat pembangunan yang terlalu pesat.
9. Penipisan lapisan ozon telah menyebabkan sinaran mata hari semakin terik.
10. Kes ragut yang semakin serius di Malaysia perlu dikenalpasti punca-puncanya oleh pihak berkuasa.
11. Anak-anak buah Encik Wong sudah berhijrah ke Australia pada tahun yang lalu.
12. Pada Hariraya Aidilfitri, umat Islam akan mengadakan majlis rumah terbuka.
13. "Kalian harus mengulangkaji pelajaran yang telah diajar setiap hari," nasihat Cikgu Lee kepada murid-muridnya.
14. Pengurus Bank Rakyat itu suka bergurau-senda dengan para pekerjanya.
15. Peragawati yang tinggi-lampai itu berpakaian baju tradisional Kedah.
16. Para saintis Malaysia telah menjalankan ujikaji tentang biodiesel daripada isi rong kelapa sawit.
17. Golongan cerdik-pandai digalakkan untuk menerbitkan buku dalam bahasa Malaysia.
18. Pekerja-pekerja itu sedang memperdalam taliair di kawasan penanaman sawah.
19. "Janganlah berasa irihati apabila melihat kejayaan orang lain," pesan Cikgu Azura kepada murid-muridnya.
20. Ketua samseng yang cuba memerasugut pelancong asing itu telah ditangkap kelmarin.

B. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

1. Pak Daud dan Mak Surin mendirikan rumah tangga tiga puluh tahun yang lalu.
   A (Mak Surin) **B** (rumah tangga) **C** (tiga puluh)
   Tiada kesalahan
   D

2. Hasil tindakbalas antara kuprum dengan sulfur menghasilkan kuprum sulfida.
   A (tindakbalas) **B** (menghasilkan) **C** (kuprum sulfida)
   Tiada kesalahan
   D

3. Ketiadaan sikap tanggung jawab masyarakat sedunia telah menyebabkan
   A (tanggung jawab) **B** (menyebabkan)
   pencemaran alam sekitar. Tiada kesalahan
   C (alam sekitar) **D** (Tiada kesalahan)

4. Kerja-kerja membaikpulih bangunan Parlimen telah dijalankan dengan segera.
   A (Kerja-kerja) **B** (membaikpulih) **C** (Parlimen)
   Tiada kesalahan
   D

5. Oleh sebab ringan tulang, Kok Heng sangat disukai oleh majikannya.
   A (ringan tulang) **B** (Kok Heng) **C** (majikannya)
   Tiada kesalahan
   D


6. Pengatur caraan sesebuah perisian dalam komputer memerlukan kepakaran yang
   A (Pengatur caraan) **B** (perisian) **C** (kepakaran)
   tinggi. Tiada kesalahan
   D

7. Majlis suai kenal mengalu-alukan kedatangan kaki tangan baharu ke jabatan itu
   A (mengalu-alukan) **B** (kaki tangan)
   diadakan secara sederhana sahaja. Tiada kesalahan
   C (diadakan) **D** (Tiada kesalahan)

8. Juruhebah itu mengadakan temu bual dengan juaratinju dunia yang baharu secara
A B C
langsung melalui radio. Tiada kesalahan
D

9. Duta Besar-Duta Besar dari negara Asia telah mengunjungi Perdana Menteri di
A B
kediaman beliau sempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-50.
C
Tiada kesalahan
D

10. Kita mestilah memahami isi kandungan surat perjanjian terlebih dahulu sebelum
A
menanda tangani surat perjanjian itu. Tiada kesalahan
B C D



UNIT 11: TEKNOLOGI MAKLUMAT





MEMBACA DAN MEMAHAMI

Kepentingan Teknologi Maklumat dalam Kehidupan Manusia

Oleh: Aki Kunai

Pada masa ini, teknologi maklumat semakin penting dalam kehidupan kita. Teknologi maklumat di negara kita telah mengalami pelbagai pembaharuan. Setiap pembaharuan ini telah meninggalkan kesan dalam kehidupan manusia. Tanpa **revolusi**[1] dalam era **digital**[2] ini, pasti kita akan ketinggalan dalam arus kemajuan.

Teknologi maklumat telah membuka dunia perdagangan ke arah **globalisasi**[3]. E-dagang umpamanya telah memberikan peluang kepada peniaga-peniaga membina **kedai-kedai maya**[4] mereka menerusi perkhidmatan internet. Barang-barang jualan mereka dapat dipamerkan di laman web dan boleh dilayari oleh sesiapa sahaja dan di mana-mana sahaja.



Selain itu, teknologi maklumat juga memudahkan urusan perniagaan. Pihak bank umpamanya boleh **menawarkan**[5] sistem perkhidmatan perbankan elektronik kepada para pelanggannya. Rekod pelanggan dan urus niaga dapat dikendalikan dengan mudah,

Kosa Kata

1. **revolusi:** perubahan yang menyeluruh 改革
2. **digital:** beroperasi dengan menggunakan angka untuk mewakili data 数码
3. **globalisasi:** dasar terbuka 全球化
4. **kedai maya:** kedai bayangan, kedai khayalan 虚幻的店
5. **menawarkan:** memberikan 提供

cekap, dan pantas tanpa batasan masa dan **sempadan**[6].

Dalam aspek pendidikan pula, teknologi maklumat turut memainkan peranannya. Pendidikan Jarak Jauh(PJJ) berdasarkan konsep e-pembelajaran membolehkan para penuntut mengambil **kursus**[7] yang diminati melalui internet. Penuntut yang mengikuti PJJ tidak perlu membazirkan masa mereka untuk menghadiri **kuliah**[8]. Mereka hanya perlu melayari laman web institusi pengajian tinggi tertentu untuk mendapatkan nota-nota kuliah, menjalankan aktiviti perbincangan, dan menduduki peperiksaan.



Hubungan manusia juga dapat dipererat di samping menjimatkan kos perkhidmatan. Kini, dengan penggunaan internet kita boleh berkomunikasi dan bertukar-tukar maklumat dengan kawan-kawan pada bila-bila masa tanpa batasan masa dan tempat. Remaja-remaja sekarang suka mencari kenalan baharu melalui laman web. Sesetengah daripada mereka **memuatnaikkan**[9] maklumat peribadi dan gambar mereka di laman web yang berkenaan.

Kesimpulannya, perkembangan teknologi memang banyak membawa kebaikan dan kesenangan kepada kita. Namun begitu, pada masa yang sama kita harus **berwaspada**[10] ketika menggunakan kemudahan teknologi maklumat ini agar tidak menjadi mangsa penipuan.

Kosa Kata

6. **sempadan:**
   had, batas
   界限

7. **kursus:**
   pelajaran tentang sesuatu perkara yang diberikan dalam jangka masa yang agak singkat
   课程

8. **kuliah:**
   pelajaran yang disampaikan secara bersyarah
   （学院或大学里的）授课

9. **memuatnaikkan:**
   memindahkan
   上载

10. **berwaspada:**
    berhati-hati
    谨慎



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Dalam keadaan apakah kita akan hidup dalam kemunduran?
   A. tiada perkembangan dalam teknologi maklumat
   B. teknologi maklumat banyak membawa perubahan
   C. peniaga-peniaga tidak mendirikan kedai-kedai maya
   D. teknologi maklumat semakin mempengaruhi kehidupan manusia

2 Apakah faedah perkembangan teknologi maklumat kepada golongan peniaga?
   A. perniagaan mereka hanya boleh dijalankan pada masa tertentu
   B. perniagaan mereka hanya boleh dijalankan di kawasan tertentu
   C. barang jualan mereka dapat dipamerkan di laman web
   D. dapat mempererat hubungan dengan kenalan bahau

3. Antara berikut, yang manakah **bukan** kemudahan bank yang dinikmati oleh pelanggannya ekoran daripada kemajuan teknologi maklumat?
   A. menjalankan urus niaga pembayaran bil melalui internet
   B. mengelakkan kesesakan lalu lintas yang sering dihadapi oleh penghuni bandar
   C. menggunakan kad kredit untuk urus niaga pembelian melalui perkhidmatan internet
   D. terpaksa menunggu giliran kerana banyak orang menggunakan perkhidmatan internet

4. Siapakah yang kurang mendapat pengaruh daripada perkembangan teknologi maklumat?
   A. nelayan B. pelajar
   C. peniaga D. pendidik

5. Apakah kelemahan perkembangan teknologi maklumat?
   A. melibatkan pelbagai jenis jenayah penipuan
   B. menyukarkan pencarian ilmu pengetahuan
   C. menjejaskan urus niaga perdagangan
   D. menambahkan bilangan buta huruf

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Apakah kesan jika bidang teknologi maklumat di negara kita tidak dimajukan?
2. Apakah peranan teknologi maklumat dalam dunia perdagangan?
3. Mengapakah teknologi maklumat dapat memanfaatkan para penuntut institusi pengajian tinggi?
4. Mengapakah kita perlu berhati-hati ketika melayari internet?
5. Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah untuk memupuk minat pelajar terhadap bidang teknologi maklumat.



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

teknologi : tek + no + lo + gi	maklumat : mak + lu + mat
digital : di + gi + tal	globalisasi : glo + ba + li + sa + si
menawarkan : me + na + war + kan	institusi : in + sti + tu + si
kuliah : ku + liah	berwaspada : ber + was + pa + da



Setiap kumpulan pelajar dikehendaki memilih salah satu tajuk yang disenaraikan di bawah atau tajuk lain yang difikirkan bersesuaian. Setiap kumpulan perlu mengakses kemudahan internet untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih.

Semua maklumat yang diperoleh perlu dimuatkan dalam kad manila dan dibentangkan di dalam kelas.

Tajuk 1

Permainan Tradisional

1. pengenalan
2. jenis-jenis permainan tradisional (pilih mana-mana tiga)
   a. gambar
   b. nama permainan
   c. cara bermain
   d. peraturan permainan
3. punca permainan tradisional semakin dilupakan (3 isi dan huraian)
4. langkah untuk mempopularkan permainan ini (3 isi dan huraian)
5. kesimpulan
6. rujukan

Tajuk 2

Haiwan Yang Pupus

1. pengenalan
2. haiwan-haiwan yang pupus atau hampir pupus (pilih mana-mana tiga)
   a. gambar
   b. nama haiwan
   c. habitat
   d. negara
3. punca haiwan semakin pupus (3 isi dan huraian)
4. langkah untuk melindungi haiwan yang hampir pupus (3 isi dan huraian)
5. kesimpulan
6. rujukan

Tajuk 3

Hobi

1. pengenalan
2. jenis-jenis hobi (pilih mana-mana tiga)
   a. gambar
   b. nama hobi
   c. biaya yang diperlukan
   d. pencapaian
3. kebaikan hobi (3 isi dan huraian)
4. langkah untuk memupuk orang ramai mempunyai hobi (3 isi dan huraian)
5. kesimpulan
6. rujukan

Tajuk 4

Flora di Malaysia

1. pengenalan
2. jenis-jenis flora (pilih mana-mana tiga)
   a. gambar
   b. nama tumbuhan
   c. habitat
   d. cara penanaman dan penjagaan
3. keistimewaan flora di Malaysia (3 isi dan huraian)
4. langkah untuk memupuk rasa tanggungjawab rakyat menjaga keindahan alam (3 isi dan huraian)
5. kesimpulan
6. rujukan





1. Karangan Perbahasan

Selaku pihak pencadang, sediakan teks perbahasan yang bertajuk 'Kemajuan Sains Mendatangkan Kebaikan Terhadap Kehidupan Manusia'. Anda boleh menggunakan gambar-gambar di bawah sebagai panduan.






pertanian moden meningkatkan produktiviti



cepat sumbuh-pencegahan penyakit



alat elektronik kecil dan ringan

2. Peribahasa

Baca dan fahami pepatah di bawah.

Pepatah	Maksud	Contoh Ayat
akal tak sekali datang, fikiran tak sekali tiba 比喻任何事物都不是一蹴而就，而是有一个逐步实现的过程	1. sesuatu usaha atau tugasan tidak dapat diselesaikan sekali gus sebaliknya beransur-ansur 2. tidak ada usaha yang serta-merta jadi sempurna	Kita harus sentiasa bersabar dan membuat perancangan kerana kita harus sedar bahawa **akal tak sekali datang, fikiran tak sekali tiba**.
direndam tak basah, dibakar tak hangus 比喻难以被击败	orang yang tidak mudah dikalahkan	Tokoh-tokoh yang berjaya dalam perjuangan mereka selalu diibaratkan **direndam tak basah, dibakar tak hangus**.
ditangkap buaya nampak riaknya, ditangkap malas tidak bertanda 比喻懒人表面上是看不出	sikap malas tidak dapat dikesan	Gopalan pandai berpura-pura di depan penyelia sehingga penyelianya tidak tahu bahawa dia sentiasa curi tulang, umpama **ditangkap buaya nampak riaknya, ditangkap malas tidak bertanda.**
sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu, tiga kali jalan mengena 一朝被蛇咬，十年怕井绳	1. apabila sudah tertipu, peristiwa itu akan teringat pada lain kali 2. seseorang hanya boleh tertipu sekali 3. sekali tertipu pastinya jera dan berhati-hati	Setelah ditipu oleh sindiket gores dan menang, Puan Farina lebih berhati-hati, bak kata pepatah **sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu, tiga kali jalan mengena**.

LATIHAN

A. Padankan situasi yang berikut dengan pepatah yang sesuai berdasarkan pepatah yang baru dipelajari.

Situasi	Pepatah
1. Haris tidak sempat menyiapkan projek Geografi yang telah ditetapkan oleh gurunya. Dia bekerja secara sambilan di sebuah restoran yang terletak berdekatan dengan rumahnya. Disebabkan terlalu terdesak, Haris meminta bantuan kawannya untuk menyiapkan projeknya. Projek yang dihasilkan oleh kawan Haris diterima oleh gurunya.	
2. Simon pelajar tingkatan tiga. Disebabkan tugasan sekolah yang terlalu banyak, Simon menghadapi tekanan. Walaupun Simon bekerja keras untuk menyiapkan segala tugasan tersebut tetapi dia masih tidak berjaya. Ibu Simon menasihati Simon agar tidak terburu-buru ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Ibunya juga berpesan bahawa kerja hanya akan siap secara berperingkat tanpa jalan pintas.	
3. Faizal merupakan atlet sekolah. Setiap tahun, Faizal dipilih sebagai olahragawan sekolah. Faizal mendapat keputusan yang cemerlang dalam sukan kerana usahanya yang gigih. Faizal tabah menghadapi cabaran malah tidak berputus asa semasa berdepan dengan segala latihan yang ditetapkan oleh jurulatihnya. Dia juga tidak mudah dikalahkan.	
4. Mariana pekerja kilang yang ingin cepat kaya. Pada suatu hari, Mariana didatangi seorang kawan yang ingin memperkenalkan skim cepat kaya kepadanya. Disebabkan Mariana kekurangan wang, dia meminjam duit ibunya lalu dilaburkan dalam skim cepat kaya tersebut. Setelah mendapati dirinya ditipu, Mariana berasa amat sedih dan berjanji tidak akan mengulangi kesilapannya lagi.	

B. Secara berkumpulan, lakarkan satu gambar bersiri yang menggambarkan salah satu pepatah yang telah dipelajari.



1. Ulang Kaji Kata Tugas

Pilih ayat yang betul.

1. A. Tong sampah tong sampah yang disediakan oleh pihak majlis perbandaran berjaya mengurangkan masalah pencemaran.
   B. Semua mahasiswa-mahasiswa tahun akhir akan hadir dalam majlis konvokesyen.
   C. Para-para petugas akan diberikan penghargaan oleh pihak majikan.
   D. Berbagai-bagai usaha dijalankan untuk membasmi anasir dadah.

2. A. Setengah pihak tidak sehaluan dengan pendapat ahli politik itu.
   B. Segala makluma-maklumat yang diperoleh wartawan itu tidak sah.
   C. Kebanyakan orang-orang yang melawat A' Famosa ialah pelancong asing.
   D. Semua pihak yang bertanggungjawab perlu bekerjasama membanteras jenayah.

3. A. Sekumpulan pelajar-pelajar sekolah menengah telah ditangkap oleh pihak polis kerana berpelesiran di pusat membeli-belah.
   B. Sekandang lembu Pak Husin berjaya dijual kepada pengusaha restoran terkenal itu.
   C. Setimbun majalah-majalah kesukaan ibu telah dijual kepada pusat kitar semula.
   D. Sebaris kedai-kedai di Jalan Ampang dijilat api semalam.

4. A. Bintang berkerdipan di langit.
   B. Burung-burung layang-layang bebas berterbangan di udara.
   C. Dedaun kering berguguran ketika angin sendalu berpuput.
   D. Lampu-lampu hiasan bergantungan di sepanjang jalan utama itu.

5. A. Sebahagian besar daripada duta-duta luar negara itu ialah orang yang ternama di dunia.
   B. Matlamat ceramah itu ialah untuk menyedarkan masyarakat tentang bahayanya merokok.
   C. Badminton ialah sukan yang diminati anak-anak muda di Malaysia.
   D. Bapa saya adalah bekas tentera laut.

6. A. Dadah amat berbahaya di masyarakat kita.
   B. Majlis perkahwinan putera raja itu diadakan dalam suasana penuh meriah.
   C. Para pelajar digalakkan agar banyak meminjam buku dalam perpustakaan.
   D. Pak Menon giat menceburi bidang perniagaan terutamanya di bidang penternakan ayam.

7. A. Anak Encik Hafiz kepeningan di dalam perjalanan ke Tanah Tinggi Cameron.
   B. Semua dokumen penting perlu disimpan dalam fail yang telah ditetapkan.
   C. Sekumpulan pendaki Gunung Kinabalu tersesat di dalam hutan.
   D. Pelbagai cadangan dikemukakan di dalam mesyuarat itu.

8. A. Bahasa Malaysia adalah antara mata pelajaran yang paling diminati oleh pelajar.
   B. Ramai di antara pekerja-pekerja syarikat memiliki segulung ijazah di negara kita.
   C. Di antara durian dengan cempedak, durian lebih sedap rasanya.
   D. Kita perlu membezakan di antara emas dengan permata.

9. A. Meja itu diperbuat daripada kayu jati.
   B. Pakaian tradisional itu berasal dari kulit binatang.
   C. Di zaman ini, masalah jenayah semakin berleluasa.
   D. Membaca secara berkumpulan lebih baik dari membaca secara individu.

10. A. Masakan kakak sesedap masakan ibu.
    B. Buku saya tebal lebih daripada buku abang saya.
    C. Nian indah pemandangan waktu senja di tepi pantai itu.
    D. Ah Chong merupakan pelajar yang terpandai sekali di dalam kelasnya.

2. Ulang Kaji Imbuhan Awalan

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Askar-askar yang berjuang di perbatasan terpaksa ________________ nyawa biarpun pada musim perayaan.
   A. bergadai B. menggadai
   C. tergadai D. penggadai

2. Pak Husin ____________________ pasar rayanya kerana mendapat permintaan yang menggalakkan daripada pelanggannya.
   A. membesar B. pembesar
   C. terbesar D. memperbesar

3. Tindakan pengganas ______________________ jambatan itu mendapat kecaman daripada orang ramai.
   A. pengebom B. terbom
   C. mengebom D. dibom

4. Mangsa kebakaran itu tidak dapat diselamatkan oleh doktor kerana seluruh badannya telah ________________.
   A. dilecur B. melecur
   C. pelecur D. terlecur

5. Alam flora yang subur ______________________ di negara kita berjaya menggamit kedatangan para pelancong ke negara kita.
   A. menghijau B. terhijau
   C. penghijau D. dihijau

6. Beberapa buah pondok polis ____________ di sekitar ibu kota untuk ____________ kes-kes jenayah yang berleluasa di negara kita.
   A . terbina ... memantau
   B . membina ... dipantau
   C . dibina ... memantau
   D . pembina ... dipantau

7. Pemuda itulah yang merupakan pendaki ____________________ pada masa ini kerana ______________ gunung yang tertinggi di dunia.
   A . terulung ... terdaki
   B . terulung ... mendaki
   C . mengulung ... didaki
   D . mengulung ... pendaki

8. Kejayaan pelajar kembar ____________________ yang mencapai keputusan 10A dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah mendapat liputan __________ daripada pihak media.
   A . seiras ... terluas
   B . mengiras ... terluas
   C . mengiras ... seluas
   D . seiras ... meluas


9. ____________________ kampung itu amat ____________________ dalam usaha mengindahkan kawasan kampung.
   A . Penduduk ... dipakat
   B . Penduduk ... sepakat
   C . Terduduk ... memakat
   D . Diduduk ... terpakat

10. Ahli keluarga Borhan ________________ ke hospital setelah ________________ berita bahawa ayah mereka telah dimasukkan ke hospital.
   A . menggegas ... diterima
   B . bergegas ... menerima
   C . digegas ... terterima
   D . tergegas ... berterima


3. Ulang Kaji Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Nyatakan sama ada ayat-ayat di bawah ialah Ayat Tunggal atau Ayat Majmuk.

Bil.	Ayat	
1.	Bunga ros itu berkembang mekar.	
2.	Ibu ke pasar pagi setiap hari.	
3.	Pak Jalil masih tinggal di dalam rumah yang usang itu.	
4.	Penduduk kampung menjelaskan bahawa mereka sudah tidak tahan akan masalah pencemaran.	
5.	Perdana Menteri menyeru rakyat agar membeli barang buatan tempatan.	
6.	Komputer merupakan keperluan asas pelajar.	
7.	Seekor burung helang terbang bebas di udara.	
8.	Para menteri mengiringi Yang di-Pertuan Agong untuk merasmikan upacara pelancaran Tahun Melawat Malaysia.	
9.	Sekumpulan penunggang motosikal lumba haram berjaya ditahan oleh pihak polis.	
10.	Banyak pelancong gemar mengunjungi Malaysia kerana rakyatnya yang mesra.	




11.	Isteri Shamsul ditawarkan kerja di syarikat itu tetapi isterinya telah menolak tawaran itu.	
12.	Dugong ialah sejenis haiwan yang hidup di dalam air.	
13.	Memancing ikan dan mendengar muzik ialah hobi saya.	
14.	Pokok yang tinggi itu ditebang dan dialihkan oleh pekerja-pekerja majlis perbandaran.	
15.	Para petani sibuk membakar jerami padi sebelum musim tengkujuh tiba.	
16.	Rakyat kita juga mampu mendaki Gunung Everest.	
17.	Layang-layang yang dibuat oleh adik terbang tinggi di udara.	
18.	Beberapa ekor anak kambing dan anak ayam peliharaan Pak Abu mati dibaham oleh harimau.	
19.	Surat untuk sahabat pena itu sudah saya kirim semalam.	
20.	Beberapa ekor anjing berkeliaran di taman itu.	





Perkara yang Perlu Dielakkan Semasa Melayari Laman Web

Para pelajar perlu memanfaatkan perkhidmatan internet untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan mana-mana mata pelajaran. Walau bagaimanapun, anda perlu berhati-hati ketika menggunakannya. Yang berikut merupakan beberapa perkara yang perlu diperhatikan.



UNIT 12: PAHLAWAN TANAH MELAYU






MEMBACA DAN MEMAHAMI

Semangat Perjuangan Tok Janggut

"Serang! Serang! Serang!" Dari jauh kedengaran laungan Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya dalam serangan mereka terhadap tentera British.

Tok Janggut atau nama sebenarnya Haji Mat Hassan bin Panglima Munas telah mengadakan perjumpaan dengan pengikut-pengikutnya sebelum itu. Penduduk negeri Cik Siti Wan Kembang telah datang berkumpul di depan Tok Janggut. Perjumpaan itu merupakan perjumpaan luar biasa yang penuh dengan **misi**[1] perjuangan pahlawan Melayu ketika itu.

"Kita tidak boleh membiarkan tanah air kita terus **dibelenggu**[2] penjajah keparat itu! Kita tidak boleh membiarkan bangsa kita ditindas di tanah kelahiran kita sendiri! Adakah kamu semua hendak membiarkan pegawai-pegawai berkulit putih itu **memperkotak-katikkan**[3] kehidupan bangsa kita?" Kata Tok Janggut dengan bersemangat sekali.



Kata-kata yang **berkobar-kobar**[4] daripada Tok Janggut terus terserap dalam jiwa pengikut-pengikutnya.

"Tidak! Tidak! Kita tidak akan membiarkan anak cucu bangsa kita terus hidup merana di bumi kita sendiri."

1. **misi:** tugas khas 使命
2. **dibelenggu:** dikongkong 被……束缚
3. **memperkotak-katikkan:** mengacau 骚乱
4. **berkobar-kobar:** penuh bersemangat 热血奔腾

Kosa Kata

"Tok, kita dipaksa membayar cukai. Sekejap disuruhnya kita bayar cukai kepala, sekejap disuruhnya kita bayar cukai hasil. Kita tertekan oleh pengenaan cukai yang begitu tinggi."

"Ya, Tok tahu hasil **keringat**[5] kita diperah begitu sahaja oleh penjajah. Tok tidak boleh bersabar lagi dengan ketamakan penjajah itu. Kita mesti membebaskan diri kita daripada belenggu kekejaman mereka. Kita tidak boleh berdiam diri sahaja..."

"Tapi Tok, mereka mempunyai senapang..." keluh salah seorang pengikutnya.

"Tok tahu. Tapi kita tidak boleh **gentar**[6] dengan semua ini. Pantang kita mengaku kalah sebelum berlawan. Kalau kita ada keris, kita bawa keris, kalau kita ada parang kita bawa parang, kalau kita ada lembing, kita bawa lembing. Tidak kira apa-apa pun, yang penting semangat perjuangan kita mesti **kental**[7]. Semangat ini tidak akan lut dek peluru-peluru jahanam itu!"

5. keringat:
titik peluh
血汗

6. gentar:
takut
惧怕

7. kental:
kuat
坚强

8. gugur:
mati
阵亡

Kosa Kata

"Ya! Kita mesti berjuang hingga titisan darah yang terakhir! Kita mesti membebaskan diri daripada penjajahan!" Laung pengikut-pengikut Tok Janggut.

Selepas itu, Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya telah bermati-matian menentang penjajah. Banyak pengikut Tok Janggut yang tercedera dan terkorban.



Namun dengan berbekalkan semangat perjuangan yang kental, mereka terus berjuang. Dalam serangan itu Tok Janggut **gugur**[8] sebagai bunga bangsa yang jasanya masih tercatat dalam buku sejarah. Tok Janggut yang mati dibunuh telah digantung dengan kakinya ke atas oleh pihak penjajah. Pemergian beliau tidak mematikan semangat pejuang-pejuang lain untuk

membebaskan tanah air daripada **cengkaman**[9] penjajah.

Kekalahan mereka dalam serangan itu sama sekali tidak meluntu rkan semangat untuk terus berjuang. Semangat itulah yang **membangkitkan**[10] kesedaran dalam kalangan pendekar untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah sehinggalah kita mampu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Kosa Kata

9. **cengkaman:** kekuasaan 控制

10. **membangkitkan:** meningkatkan 唤起



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Siapakah musuh utama Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya?
   A. penjajah Belanda
   B. penjajah Portugis
   C. penjajah Inggeris
   D. penjajah Jepun

2. Di manakah latar tempat cerita tersebut?
   A. Terengganu
   B. Kelantan
   C. Pahang
   D. Perak

3. Apakah tindakan pemerintah yang menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk negeri Cik Siti Wan Kembang?
   A. Mereka dipaksa menjadi buruh kasar.
   B. Mereka dipaksa membayar cukai yang tinggi.
   C. Mereka dipaksa menjual tanah kepada pegawai kerajaan.
   D. Mereka dikerah mengutip cukai daripada penduduk tempatan.

4. Berdasarkan petikan, apakah sifat utama yang ada pada Tok Janggut?
   A. bertanggungjwab
   B. berhemah tinggi
   C. amanah
   D. berani

5. Bagaimanakah jenazah Tok Janggut diperlakukan setelah beliau terkorban di medan pertempuran itu?
   A. Mayat beliau diusung di sekeliling kampung.
   B. Mayat beliau dicampak ke dalam laut.
   C. Kepala beliau dipancung.
   D. Kaki beliau diikat ke atas.

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Siapakah Tok Janggut?
2. Nyatakan jenis cukai yang terpaksa dibayar oleh penduduk semasa dijajah.
3. Apakah kelebihan pihak penjajah dari segi pertahanan berbanding dengan pengikut-pengikut Tok Janggut?
4. Mengapakah kekuatan pihak penjajah tidak menggentarkan Tok Janggut?
5. Selain mencatatkan nama pahlawan-pahlawan kita dalam buku sejarah, apakah cara yang dapat kita lakukan untuk mengenang jasa mereka?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

pengenaan : pe + nge + na + an	dibelenggu : di + be + leng + gu
gentar : gen + tar	memperkotak-katikkan : mem + per + ko + tak + ka + tik + kan
kental : ken + tal	berkobar-kobar : ber + ko + bar + ko + bar
menyerap : me + nye + rap	pemergian : pe + mer + gian
merana : me + ra + na	membangkitkan : mem + bang + kit + kan



1. Pembentangan

Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diberikan tugasan untuk mendapatkan maklumat tokoh-tokoh pahlawan tanah air kita. Pelajar boleh mendapatkan maklumat berkenaan di perpustakaan, melalui internet dan bertanya kepada orang tua-tua. Selepas itu, setiap kumpulan perlu membentangkan hasil pencarian maklumat mereka. Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan 10 soalan kuiz pada akhir pembentangan. Kumpulan yang berjaya menjawab soalan kuiz yang terbanyak dianggap menang.

2. Idola Pembelajaran

Sebagai pelajar, anda tentu mempunyai 'wira' atau 'wirawati' yang menjadi model pembelajaran anda. Model pembelajaran anda mungkin ialah guru anda, rakan sebaya anda, pelajar cemerlang di sekolah anda ataupun seorang tokoh yang sangat berjaya dalam bidang pendidikan. Siapakah model pembelajaran anda? Mengapakah beliau menjadi idola anda? Apakah ciri-ciri yang ada pada model pembelajaran anda sehingga dapat memberikan motivasi kepada anda? Kongsilah dengan pelajar-pelajar sekelas anda tentang 'rahsia pahlawan' yang memberikan dorongan kepada anda untuk terus maju jaya dalam pelajaran.



1. Bina Ayat

Lakaran atau gambar di bawah bertemakan kepahlawanan dalam konteks yang berbeza. Bina ayat yang sesuai berdasarkan gambar-gambar tersebut.



1. ______________________________

____

____

____

2. ______________________________

____

____

____





3. ______________________________

____

____

____

4. ______________________________

____

____

____





5. ______________________________

____

____

____

2. Melengkapkan Teks

Lengkapkan teks berikut dengan pilihan perkataan yang diberikan.

genggaman | pahlawan | kisah | keayuan | srikandi-srikandi | perjuangan | waja | hawa | ketinggalan | menepis

Sejak kecil, kita selalu didedahkan dengan ____________________ pahlawan Melayu. Nama-nama seperti Hang Tuah dan Tun Perak sudah tidak asing lagi dalam memperkatakan tokoh-tokoh ____________________ kita. Namun, pernahkah anda terfikir bahawa kita juga harus berbangga dengan ____________________ negara kita? Walaupun golongan __________________ sering dianggap sebagai golongan yang lemah berbanding dengan lelaki, sifat luaran ini tidak membataskan semangat__________________ yang ada dalam diri mereka. Tun Fatimah misalnya, tidak gentar untuk turun ke padang bersama-sama pahlawan yang lain semasa berdepan dengan musuh. Tun Fatimah yang terkenal dengan ______________________________nya tidak mahu__________________________ dalam mempertahankan negeri Melaka daripada dijajah oleh Portugis. keris di tangan dan semangat__________________________penuh di dada telah____________ ____________________ pandangan umum bahawa tempat wanita di dapur sahaja.



1. Ulang Kaji Kata Tugas

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Tetamu itu bangun __________ beredar dari ruang tamu itu.
   A. sambil B. hingga C. lalu D. atau

2. Jesica memberitahu abangnya __________ dia akan balik dari luar negara esok.
   A. yang B. bahawa C. tentang D. untuk

3. __________ menunggu hujan reda, nelayan itu menyirat jala.
   A. Semoga B. Setelah C. Supaya D. Sementara

4. __________, kamu telah menang!
   A. Syabas B. Eh C. Amboi D. Wahai

5. Kesihatan bapa awak sekarang __________?
   A. mengapa B. siapa C. bagaimana D. berapa

6. __________ buang sampah di kawasan larangan ini.
   A. Usah B. Jangan C. Tolong D. Sila

7. __________ kuda itu dimiliki oleh Tun Umar.
   A. Sebermula B. Sekali peristiwa C. Adapun D. Arakian

8. Bapa __________ ke luar negara lusa.
   A. sedang B. akan C. masih D. telah

9. Encik Tahir kelihatan sugul __________ kematian isterinya.

A. sejak B. tentang C. bila D. oleh

10. Suhu badan pesakit itu meningkat __________ 40 darjah Celsius.

A. ke B. kepada C. pada D. dari

2. Ulang Kaji Imbuhan Akhiran

Lengkapkan Kata Dasar yang dicetak tebal dengan Imbuhan Akhiran berikut.

-an -kan -i -wan -man -ita -wati

1. Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan **negara** yang banyak berjasa dalam pembangunan negara.
2. Guru pendidikan jasmani menyuruh kami berdiri dalam **bulat**.
3. Bumbung rumah yang bocor itu telah saya **baik** dua hari yang lepas.
4. **Pukul** kuat daripada Encik Simpson itu membuatkan pihak lawannya terpaksa akur dengan kekalahan.
5. Pemilihan dua orang **angkasa** negara ini ke Rusia memang membanggakan rakyat kita.
6. Orang yang **budi** akan sentiasa dihormati tidak kira di mana-mana mereka berada.
7. Jangan kamu **dekat** meja itu ke dinding.
8. Saloma, isteri P. Ramlee merupakan **biduan** yang tidak asing lagi dalam dunia seni.
9. Susie ingin menjadi **olahraga** yang dapat mengharumkan nama sekolahnya.
10. **Warta** itu tercedera ketika membuat liputan peperangan di Iraq.

3. Penjodoh Bilangan

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh Ayat
gugus	digunakan untuk membilang benda yang berkelompok dan buah-buahan bertangkai **contoh**: anggur, kunci, gugus	Puan Kamsiah membeli dua **gugus** buah rambai sebagai buah tangan untuk jirannya.
puntung	digunakan untuk membilang benda yang pendek yang berlebih daripada dibakar **contoh**: rokok, kayu api	Kebakaran di kawasan setinggan itu dipercayai berpunca daripada **sepuntung** rokok yang masih membara.
kepal	digunakan untuk membilang benda yang dikepal dengan tangan **contoh**: tanah, nasi	Ranesh mengambil se**kepal** tanah untuk dibaling ke arah anjing liar itu.
urat	digunakan untuk membilang benda yang bergelang halus dan panjang **contoh**: rambut, gelang	Dia memakai dua **urat** gelang emas yang bersinar-sinar di tangan kanannya.
lembar	digunakan untuk membilang benda yang panjang dan luas bidangnya **contoh**: kertas, kain	Emak menggunakan se**lembar** benang untuk menjahit butang.
carik	digunakan untuk membilang benda yang dicabik **contoh**: kain, kertas	Se**carik** kain diperlukan untuk membalut tangannya yang luka.

LATIHAN

Lengkapkan ayat di bawah dengan Penjodoh Bilangan yang sesuai.

gugus | kepal | lembar | puntung | urat | carik

1. Pihak bomba percaya bahawa kebakaran itu berpunca daripada beberapa ____________ rokok yang tidak dipadamkan.

2. Tiga ____________ dawai diperlukan untuk membuat hiasan bunga ros itu.

3. Anak-anak Pak Leman melompat keriangan apabila melihat ayah mereka balik dengan membawa dua ____________ langsat.

4. Se____________ nasi sudah cukup untuk mengisi perutnya.

5. Wan Rogayah mengikat cebisan kain itu dengan se____________ benang.

6. Beberapa ____________ kertas warna digunakan untuk menambahkan daya tarikan ciptaan mereka.

7. Beberapa ____________ bintang yang berkelipan pada waktu malam menunjukkan kekuasaan Tuhan.

8. Beberapa ____________ nasi itu adalah untuk membuat sushi.

9. Bara pada beberapa ____________ kayu itu perlu dipadamkan untuk mengelakkan kebakaran.

10. Di pergelangan tangan Ai Hua membelit tiga ____________ gelang emas.



Mencari Maklumat Di Perpustakaan




Perpustakaan merupakan pusat sumber untuk mendapat segala ilmu pengetahuan. Perpustakaan perlu ada susun atur pembahagian bahan-bahan bacaan mengikut bidang-bidang tertentu seperti bahagian sains, sastera, sejarah, geografi dan banyak lagi. Pelajar boleh mencari maklumat berhubung dengan pahlawan-pahlawan di negara kita di bahagian sejarah, sastera, ataupun sudut pengetahuan am. Pembacaan yang berkaitan dengan keagungan pahlawan Tanah Melayu akan lebih menarik sekiranya pelajar membuat catatan ringkas. Semua maklumat yang diperoleh perlu diisi di Jadual yang diberikan. Jadual di bawah hanya sebagai panduan. Pelajar boleh memilih tokoh pahlawan yang diminati dan menambahkan ruangan maklumat yang ada.

Zaman	Pahlawan	Maklumat Berkaitan
Zaman Kesultanan Melaka	➢ Hang Tuah	
	➢ Tun Perak	
Zaman Penjajahan British	➢ Datuk Maharaja Lela	
	➢ Tok Gajah	
	➢ Mat Kilau	
Zaman Menuntut Kemerdekaan	➢ Dato On Jaafar	
	➢ Tunku Abdul Rahman	

C
a
t
a
t
a
n



UNIT 13:
PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI RANTAU ASIA TENGGARA





MEMBACA DAN MEMAHAMI

Peranan Bahasa Melayu Dalam Era Global

Tahukah anda bahawa bahasa Melayu masih digunakan secara meluas terutamanya di Asia Tenggara. Hakikatnya, kedudukan bahasa Melayu masih kukuh di Asia Tenggara terutamanya di Malaysia, Indonesia, dan Brunei. Bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting terutamanya dalam perhubungan, perdagangan, dan pentadbiran. Penduduk negara lain seperti Singapura, selatan Thailand, selatan Filipina, dan Pulau Christmas turut menggunakan bahasa Melayu ekoran daripada kedudukan geografi negara-negara tersebut yang berdekatan dengan Indonesia dan Malaysia.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa taburan penggunaan bahasa Melayu di negara-negara Asia Tenggara amat berbeza antara satu sama lain. Dengan erti kata lain, faktor sejarah sesebuah negara telah menentukan kedudukan dan martabat bahasa sesebuah negara. Malaysia memang merupakan negara yang **unik**[1]. Banyak pendatang asing dari China dan India datang ke Tanah Melayu pada awal kurun ke-19 untuk mencari nafkah hidup dan mereka mementingkan penggunaan bahasa ibunda. Tanpa **keseragaman**[2] dan **kesatuan**[3] bahasa perselisihan faham antara kaum mudah berlaku. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia yang juga berfungsi sebagai bahasa perpaduan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Di Indonesia pula, bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Indonesia telah menjadi lingua franca rakyat Indonesia yang juga terdiri daripada pelbagai kaum. Walaupun Indonesia pernah dijajah oleh Belanda, namun

Kosa Kata

1. **unik:** istimewa 独特的
2. **keseragaman:** kesamaan 一致
3. **kesatuan:** keadaan yang satu 统一



ciri-ciri kebelandaan termasuk penguasaan bahasanya tidak berjaya mempengaruhi minda rakyat Indonesia. Di samping itu, kerajaan Indonesia berusaha gigih menggalakkan penggunaan bahasa Indonesia secara menyeluruh demi kepentingan rakyat dan negara.

Kerajaan Singapura juga mengekalkan **status**[4] bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa rasmi di negara tersebut selain bahasa Inggeris, bahasa Cina, dan bahasa Tamil. Tindakan ini diambil sejajar dengan keperluan ekonomi Singapura sebagai negara **entrepot**[5]. Selain itu, kerajaan Brunei turut memilih bahasa Melayu Brunei sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Sementara itu, bahasa Melayu masih digunakan oleh rakyat selatan Thailand dan selatan Filipina walaupun tidak secara menyeluruh. Kebanyakan mereka yang tinggal di sekitar kawasan ini berasal dari rumpun yang sama dengan rakyat Malaysia dan Indonesia. Jadi, tidak hairanlah aktiviti harian mereka turut dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu di Malaysia dan di Indonesia.

Kesimpulannya, kini **martabat**[6] bahasa Melayu semakin tinggi memandangkan bahasa Melayu **berpotensi**[7] sebagai bahasa komunikasi dan **penjana**[8] ekonomi di rantau Asia Tenggara. Lantaran itu, kemunculan bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang mempunyai penutur terbanyak di dunia adalah tidak mustahil dan memang dinanti-nantikan.

Kosa Kata

4. **status:**
   taraf atau kedudukan
   地位

5. **entrepot:**
   pusat perdagangan yang menjadi tempat mengimport dan mengeksport barang-barang dagangan
   出入口

6. **martabat:**
   darjat
   地位

7. **berpotensi:**
   berkemampuan
   有潜能

8. **penjana:**
   penggerak
   推动力





KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Antara berikut, yang manakah merupakan negara-negara yang dikategorikan dalam Asia Tenggara?
   A. Malaysia, Indonesia, dan India
   B. Indonesia, China, dan Brunei
   C. Jepun, Brunei, dan Filipina
   D. Brunei, Filipina, dan Singapura

2. Apakah faktor penentu utama penggunaan bahasa Melayu di Asia Tenggara?
   A. sejarah dan budaya
   B. geografi dan sejarah
   C. politik dan budaya
   D. geografi dan agama

3. Mengapakah pendatang asing dari China dan India datang ke Tanah Melayu pada awal kurun ke-19?
   A. berhijrah
   B. melarikan diri
   C. mencari rezeki
   D. belajar bahasa

4. Mengapakah bahasa Indonesia mampu menjadi lingua franca rakyat Indonesia?
   A. Bahasa Belanda tidak berjaya memikat hati rakyat Indonesia sepenuhnya.
   B. Pendatang-pendatang asing berjaya mempengaruhi minda orang Indonesia.
   C. Bahasa Indonesia digunakan secara menyeluruh oleh rakyat Indonesia.
   D. Kerajaan Indonesia berusaha untuk memajukan bahasa Indonesia.

5. Apakah bahasa rasmi negara Singapura?
   A. bahasa Tamil, bahasa Inggeris, bahasa Belanda, dan bahasa Portugis
   B. bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris, dan bahasa Belanda
   C. bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, dan bahasa Inggeris
   D. bahasa Inggeris, bahasa Portugis, bahasa Jawa, dan bahasa Siam



B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Mengapakah bahasa Melayu dikatakan sebagai bahasa yang mempunyai peranan yang meluas?
2. Apakah keistimewaan Malaysia sehingga dianggap sebagai negara yang unik?
3. Apakah peranan bahasa kebangsaan di Malaysia?
4. Mengapakah sebahagian daripada penduduk selatan Thailand pandai berbahasa Melayu?
5. Pada pendapat anda, apakah cara untuk memartabatkan sesuatu bahasa?



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

meluas : me + luas	nafkah : naf + kah
unik : u + nik	majoriti : ma + jo + ri + ti
keseragaman : ke + se + ra + ga + man	menyatupadukan : me + nya + tu + pa + du + kan
entrepot : en + tre + pot	lingua franca : lin + gua + frang + ka
status : sta + tus	pentadbiran : pen + tad + bi + ran



1. Penggunaan Bahasa Melayu di Asia Tenggara

Para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan perlu menyediakan peta Asia Tenggara. Para pelajar perlu berbincang sesama sendiri sambil mengimbas kembali maklumat tentang penggunaan bahasa Melayu di Asia Tenggara. Kemudian, lorekkan peta Asia Tenggara tersebut berdasarkan beberapa kriteria seperti di bawah.

merah – negara yang mengiktirafkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
biru – bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
hitam – bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan biasa golongan minoriti sahaja

2. Kerjasama Pertubuhan Bahasa di Rantau Asia Tenggara

Para pelajar dikehendaki melayari internet untuk mencari maklumat tentang pertubuhan-pertubuhan bahasa yang melibatkan kerjasama dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu antara negara di rantau Asia Tenggara. Senaraikan peranan dan usaha yang telah dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan bahasa tersebut secara ringkas. Para pelajar dikehendaki membentangkan hasil kerja mereka di dalam kelas.

a. Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) 1972
b. Majlis Bahasa Brunei Darulsalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)
c. Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) 1970

Senarai laman web yang boleh dirujuki untuk mencari maklumat
http://dbp.gov.my/mabbim/main.php
http://www.ujanailmu.com.my/gapenaorganisasi.cfm
http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=788&VertSectionID=585&CurLocation=585&IID=&Page=1



1. Karangan Jenis Dialog

Sebagai seorang pemandu pelancong anda diminta menjelaskan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan Melayu di Malaysia kepada seorang pelancong Indonesia.

Tulis dialog anda itu selengkapnya. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.



2. Perumpamaan

Bil.	Perumpamaan	Maksud	Contoh Ayat
1	bagai anjing tersepit di pagar 形容遇到麻烦，走投无路，进退两难	orang yang serba salah semasa membuat keputusan	Wahida **bagai anjing tersepit di pagar** apabila disuruh memilih sama ada kahwin dengan bakal tunang pilihan keluarganya atau kekasihnya sendiri.
2	seperti ular kena palu 羊肠小径	keadaan jalan yang bengkang-bengkok	Jalan ke Kampung Aman **seperti ular kena palu** mengakibatkan pemandu sukar mengawal kenderaan serta melambatkan perjalanan.
3	seperti api dalam sekam 形容偷偷进行坏事	perbuatan jahat yang dilakukan secara diam-diam	Perbuatan Mak Som yang suka memfitnah menantunya itu **seperti api dalam sekam** kerana perbuatan itu mampu memporak-perandakan rumah tangga anaknya.
4	bagai hujan jatuh ke pasir 比喻好心没好报	kebaikan atau pertolongan yang sia-sia	Sikap Harun yang selalu membantu Siti dalam perkerjaan **bagai hujan jatuh ke pasir** kerana tidak dihargai oleh Siti.
5	kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap 人各有能有不能	kuat atau berkuasa kerana ada sesuatu kelebihan	Kepemimpinan Rina dihormati oleh kakitangannya kerana dia mempunyai kelebihan tersendiri umpama **kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap**.
6	melentur buluh biarlah dari rebung 比喻教育孩子要趁早	proses mendidik dan mengajar anak-anak haruslah bermula sejak kecil	Kita harus menyemai sikap suka menabung dalam jiwa anak-anak sejak mereka masih kecil, bak kata perumpamaan **melentur buluh biarlah dari rebung**.

LATIHAN

Isi tempat kosong di bawah dengan perumpamaan yang paling sesuai.

1. Tun Dr. Mahathir Mohamad mampu bertahan sebagai perdana menteri selama dua dekad kerana beliau seorang yang berwawasan dan berdaya saing bak kata perumpamaan ______________________________.


2. Reputasi Syarikat Muhibah semakin goyah kerana ada pekerja syarikat tersebut yang sengaja memburuk-burukkan imej syarikat ______________________________.

3. Pamila ______________________________ kerana memikirkan sama ada hendak melanjutkan pelajaran di universiti sedangkan ibu bapanya sudah uzur atau bekerja dengan gaji yang rendah.

4. Pak Husin menunggang motosikal buruknya dengan berhati-hati pada waktu malam kerana jalan menuju ke rumahnya ____________________________.

5. Anak-anak hendaklah dididik dengan akhlak yang baik agar mereka tidak menjadi generasi yang bermasalah bak kata perumpamaan ____________________________.

6. Cikgu Paramesh amat sedih kerana segala bantuan yang diberikannya kepada anak murid kesayangannya, Muthu diperlekehkan begitu sahaja ______________________ ____________________.



1. Ulang Kaji Imbuhan Apitan

Letakkan Imbuhan Apitan yang sesuai berdasarkan Kata Dasar dalam kurungan.

1. Beberapa ekor monyet ________________ (gayut) di dahan.

2. Baju pengantin Siti Nurhaliza ________________ (sulam) benang emas.

3. Pak Cik Leman __________________ (pagar) kebun sayurnya agar tanamannya tidak dirosakkan oleh binatang liar.

4. Pustakawan itu sedang ________________ (kelas) buku-buku yang baharu itu mengikut kategori.

5. Pelajar yang bermasalah itu tetap tidak ________________ (aku) kesalahannya.

6. Janji Mohamad Zakaria untuk berkahwin dengan kekasihnya tidak ________________ (penuh) kerana dia terkorban dalam kemalangan.

7. Sambutan Hari Pahlawan adalah untuk __________________ (ingat) jasa-jasa perajurit kita.

8. Anak Puan Khatijah menangis kerana ________________ (tulang) semasa makan ikan kembung.

9. "Sesungguhnya kita harus bersatu hati dalam __________________ (tangan) masalah yang timbul," kata wakil rakyat Seri Kembangan.

10. Tanah luas di belakang rumah itu ________________ (kebun) menantu Pak Hassan.

2. Imbuhan Sisipan

Imbuhan Sisipan juga membentuk kata-kata terbitan dalam bahasa Malaysia. Imbuhan Sisipan **-el-**, **-em-**, **-er-** bertugas mengubah atau menetapkan kelas kata. Imbuhan Sisipan ini tidak kerap digunakan dalam bahasa Malaysia.

Contoh

guruh(kelas Kata Nama) ➢ g**em**uruh (kelas Kata Adjektif)
tunjuk (kelas Kata Kerja) ➢ t**el**unjuk(kelas Kata Nama)
gigi(kelas Kata Nama) ➢ g**er**igi(kelas Kata Nama)

LATIHAN


Letakkan Imbuhan Sisipan -er-, -em-, -el- pada kata-kata di bawah. Kemudian bina ayat berdasarkan Kata Terbitan yang dihasilkan.

1. ganggang
2. kuncup
3. gegar
4. kilau
5. gilang
6. serak
7. suling
8. tapak
9. kebak
10. kengkeng

3. Kata Hampir Sama Makna

Isi tempat kosong berikut dengan pilihan kata hampir sama makna yang paling tepat penggunaannya berdasarkan gambar yang diberikan.


1. baring , tiarap, telentang



A. Disebabkan keletihan, Ah Weng tidur ____________________ di atas katilnya.




B. Semasa Puan Leong balik dari pasar, anaknya masih tidur dalam keadaan ter____________________.




C. Bapa Kartiyani sedang ber__________ di atas sofa ruang tamu.


2. bongkok, bengkok, condong

A. Tiang lampu di tepi jalan itu __________ kerana dilanggar lori balak.





B. Nenek Janaini yang telah berusia 80 tahun itu sudah ____________ badannya.



C. Pelancong-pelancong suka bergambar berlatarbelakangkan menara ___________ yang terkenal itu.

3. cangkung, sila, simpuh



A. Beberapa orang gadis duduk ber __________ di atas tikar sementara menunggu makanan dihidangkan.

B. Ahli pasukan pengakap itu duduk ber______________ sambil mendengar penjelasan ketua mereka.





C. Adik Adrian ber __________________ sambil membelai-belai binatang kesayangannya.

4. lontar, rejam, campak

A. Kebanyakan orang asli mahir me_______________ lembing untuk mendapatkan hasil buruan.






B. Pekerja itu men_____________________ bungkusan sampah ke dalam lori sampah itu.


C. Jeremy me_____________________ batu itu untuk melepaskan rasa kekecewaannya.



5. *gesek, gesel, gosok*



A. Kucing itu meng_______________kan badannya pada kaki Adlina.



B. Persembahan peng______________________ biola itu mendapat tepukan yang gemuruh daripada penonton.




C. Pada setiap hujung minggu, ibu akan meng___________________ baju sekolah abang.

4. Ulang Kaji Jenis Ayat

Bina satu ayat berdasarkan jenis-jenis ayat yang telah dipelajari.

1. Ayat Penyata
2. Ayat Tanya
3. Ayat Nafi
4. Ayat Aktif
5. Ayat Pasif Diri Orang Pertama atau Diri Orang Kedua
6. Ayat Pasif Diri Orang Ketiga
7. Ayat Seruan
8. Ayat Penegas
9. Ayat Perintah





Petua Menghasilkan Karangan Yang Bermutu


Pembahagian masa amat penting dalam penulisan karangan. Tujuan pembahagian masa adalah untuk memastikan anda mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelesaikan penulisan karangan malah dapat menghasilkan sebuah karangan yang mantap.

Pada mulanya, anda hendaklah mengenal pasti kata kunci untuk setiap soalan karangan yang dikemukakan. Kemudian, pilih soalan karangan yang paling anda kuasai. Buat rangka karangan serta-merta. Selepas itu, anda perlu menulis karangan berdasarkan rangka karangan yang telah dihasilkan. Setiap pemilihan dan penyusunan isi serta huraian isi perlulah berdasarkan keutamaan agar karangan yang mantap dapat dihasilkan.

Aspek pemerenggan amat penting untuk membezakan isi-isi penting yang dikemukakan oleh para pelajar. Pastikan pelajar mampu mengemukakan enam perenggan karangan, iaitu satu perenggan pengenalan, empat perenggan isi, dan satu perenggan penutup.

Setiap perenggan yang dihasilkan perlulah mempunyai jumlah perkataan yang serata untuk membuktikan bahawa karangan pelajar mantap dan seimbang dari segi pengolahan huraian serta contoh. Walau bagaimanapun, panjang perenggan pengenalan dan penutup perlulah tidak melebihi kepanjangan perenggan isi. Gunakan penanda wacana yang sesuai pada pangkal ayat agar terdapat kesinambungan antara isi dengan huraian.

Selepas selesai menulis karangan, semak hasil karangan anda. Pembetulan segera perlu dilakukan sekiranya anda dapat mengenal pasti kesilapan yang dilakukan.


Petua
Pemerengganan
penggunaan penanda wacana yang sesuai
membezakan setiap isi
jumlah perkataan perenggan isi serata
Pembahagian Masa
bina rangka (5 minit)
penyemakan karangan (5 minit)
penulisan karangan (50 minit)

Catatan



UNIT 14: PANTANG LARANG





MEMBACA DAN MEMAHAMI

Pantang Larang Peribumi Sabah dan Sarawak

Setiap kaum mengamalkan pantang larang. Disebabkan **arus**[1] pemodenan, pantang larang semakin **dipinggirkan**[2]. Walau bagaimanapun, secara sedar mahupun tidak pantang larang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Malaysia.

Pantang larang ialah peraturan yang diamalkan oleh ahli masyarakatnya sendiri menurut adat dan kepercayaan masing-masing. Oleh sebab itulah, setiap suku kaum di Malaysia mempunyai pantang larang yang berbeza-beza. Masyarakat mereka mempercayai bahawa sekiranya pantang larang itu dilanggar, akibat buruk akan menimpa pelaku. Sebenarnya, pantang larang umumnya menjadi garis panduan dalam kehidupan harian. Tingkah laku masyarakat akan terkawal dan mereka tidak akan melakukan tindakan yang **terpesong**[3] daripada **norma**[4] kehidupan malahan mendatangkan kebaikan kepada seluruh kelompok masyarakat tersebut.

Sebenarnya, pantang larang boleh digolongkan dalam pelbagai kategori seperti pantang larang terhadap lelaki, pantang larang terhadap perempuan, pantang larang semasa mengandung, kelahiran anak, kematian, dan aktiviti bertani.

Di Sarawak, kebanyakan aktiviti ekonomi kaum Iban adalah bercucuk tanam seperti penanaman padi. Ekoran daripada itu, masyarakat Iban turut tidak terkecuali daripada pantang larang ketika bersawah. Contohnya, kaum lelaki tidak dibenarkan makan sambil berjalan ketika menuju ke sawah padi kerana tindakan itu akan menyebabkan hasil penuaian padi berkurangan. Tumbuhan di sekeliling

Kosa Kata

1. **arus:**
   aliran
   局势
2. **dipinggirkan:**
   diketepikan
   边缘化
3. **terpesong:**
   menyimpang daripada tujuannya
   脱离正轨
4. **norma:**
   peraturan yang sudah menjadi kebiasaan
   规则



sawah juga perlu dijaga. Sekiranya tumbuhan tersebut dicabut, dipercayai bahawa sawah padi akan **diceroboh**[5] oleh binatang liar seperti monyet. Bagi kaum perempuan pula, mereka perlulah berjimat cermat terutamanya ketika menyediakan makanan yang berasaskan padi supaya semangat makanan tidak dimakan oleh hantu yang gelojoh.

Sewaktu mengandung pula, wanita Iban dilarang membunuh haiwan agar tidak mencacatkan anak yang dikandung. Mereka juga dilarang menuang minyak ke tapak tangan ataupun kepala kerana dikhuatiri anak yang bakal dilahirkan akan menjadi pekak. Si suami pula tidak terkecuali daripada pantang larangnya. Si suami yang memasang **lukah**[6] di sungai ketika si isteri mengandung akan menyebabkan si isteri menghadapi kesukaran ketika bersalin.



Bagi suku kaum Bajau pula, ibu yang mengandung dilarang makan semua jenis sotong kerana dipercayai si ibu akan menghadapi kesukaran ketika bersalin. Di samping itu, wanita yang hamil turut dilarang menyembelih haiwan supaya anak yang bakal dilahirkan tidak akan mengikut tabiat haiwan yang disembelih.

Suku kaum Melanau mahir menangkap ikan. Penangkap ikan dilarang menggosok badan ketika mandi. Hal ini kerana mereka percaya bahawa perbuatan tersebut akan menyebabkan ikan hanya **bergesel**[7] pada bahagian tepi **bubu**[8] dan terus beredar. Bagi mereka yang mengumpul madu pula, si isteri pengumpul madu dilarang menyapu lantai. Tindakan sedemikian akan mengundang lebah yang garang

5. diceroboh:
dimasuki tanpa kebenaran
被侵犯

6. lukah:
alat untuk menangkap ikan
鱼筌

7. bergesel:
bersentuh
相擦

8. bubu:
alat untuk menangkap ikan seperti bakul
鱼筌

Kosa Kata

menyerang pengumpul madu.

Di Sabah pula, adat kematian orang Kadazan diadakan dengan penuh pantang larang. Antaranya, kaum Kadazan dilarang mengerjakan sawah padi ketika upacara **pengebumian**[9] dijalankan kerana usaha penanaman mereka hanya sia-sia. Selain itu, bahan makanan yang disediakan untuk orang mati tidak boleh **diusik**[10]. Sesiapa yang mengusiknya akan di denda sebanyak RM5 atau seekor ayam.

Justeru, tidak dinafikan bahawa pantang larang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat kita. Walaupun kebanyakan pantang larang tersebut semakin dilupakan namun perlu disedari bahawa pantang larang tersebut mempunyai nilai murni yang perlu diperkukuh dalam kehidupan manusia yang semakin sibuk. Biarlah pepatah 'biar mati anak, jangan mati adat' menjadi renungan kita.

Kosa Kata

9. **pengebumian:** perbuatan menguburkan atau menanam jenazah 安葬

10. **diusik:** diganggu 被干扰



KEFAHAMAN

A. Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Apakah yang akan berlaku sekiranya pantang larang tidak diikuti?
   A. pelbagai kebaikan dan manfaat dapat dinikmati
   B. ditimpa oleh pelbagai akibat buruk
   C. terpinggir daripada arus pemodenan
   D. terpesong daripada norma kehidupan

2. Antara berikut, yang manakah pantang larang masyarakat Iban ketika bersawah?
   I. Kaum lelaki dilarang makan ketika menuju ke sawah padi.
   II. Kesemua tumbuhan yang tumbuh di sekitar sawah perlu dijaga.
   III. Tumbuhan-tumbuhan liar yang terdapat di sekeliling sawah hendaklah dicabut.
   IV. Sikap berjimat cermat ketika menyediakan makanan berasaskan padi perlu diamalkan oleh golongan wanita.

   A. I, II dan III
   B. I, II dan IV
   C. I, III dan IV
   D. II, III dan IV

3. Mengapakah si suami bagi wanita yang sedang mengandung tidak dibenarkan memasang lukah di sungai?
   A. Si suami akan diserang oleh lebah-lebah yang garang.
   B. Ibu yang mengandung akan menghadapi kesukaran ketika melahirkan anak.
   C. Anak yang bakal dilahirkan akan menjadi pekak malah berkelakuan seperti ikan.
   D. Si suami akan mengalami sakit gatal malah bersisik seperti ikan di seluruh badannya.

4. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan di tersebut.
   A. Pantang larang melibatkan golongan peribumi sahaja yang menetap di seluruh Malaysia.
   B. Pantang larang amat dipentingkan semasa musim perayaan utama masyarakat Malaysia.
   C. Pantang larang merupakan peraturan utama kehidupan masyarakat peribumi Malaysia.
   D. Pelbagai adat masyarakat peribumi di Malaysia mempunyai kaitan dengan pantang larang.

5. Berikan maksud peribahasa ‘biar mati anak, jangan mati adat’.
   A. betapa teguh orang pada zaman dahulu memegang adat
   B. tidak menanggung malu tetapi mempertahankan adat
   C. tidak mengapa anak mati asalkan adat masih diwarisi
   D. biarlah mati daripada menghampakan orang lain

B. Soalan Subjektif

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang dibaca.

1. Secara umumnya, apakah fungsi pantang larang?
2. Apakah aktiviti utama kaum Iban?
3. Mengikut kepercayaan masyarakat Iban, apakah kesan jika si ibu yang mengandung membunuh haiwan?
4. Apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka yang mengusik makanan yang disediakan untuk orang mati?
5. Terangkan secara ringkas satu pantang larang yang anda ketahui.



Dengar dan sebutkan perkataan-perkataan berikut dalam sebutan baku.

pelaku : pe + la + ku	dikhuatiri : di + khua + ti + ri
terpesong : ter + pe + song	menyembelih : me + nyem + be + lih
renungan : re + nu + ngan	bergesel : ber + ge + sel
berasaskan : ber + a + sas + kan	pengebumian : pe + nge + bu + mian
mengandung : me + ngan + dung	mengusik : me + ngu + sik





Pelajar mencari gambar tentang upacara adat sesuatu kaum melalui internet. Setelah mencari maklumat tentang upacara tersebut di internet, pelajar perlu melakarkannya dalam bentuk poster dan membentangkannya.



1. Surat Kiriman Tidak Rasmi

Anda baru sahaja menerima sepucuk surat daripada sahabat pena anda yang berada di luar negara. Sahabat pena anda amat berminat tentang pantang larang masyarakat Melayu di Malaysia. Balas surat sahabat pena anda itu selengkapnya. Panjang surat kiriman anda hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

2. Bina Ayat

Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk membezakan maksudnya.

A. bersalin - menyalin
B. mengandung - kandungan
C. bergantung - pergantungan
D. ketumbuhan - tumbuhan
E. ditolak - bertolak



1. Kata Banyak Makna

Kata Banyak Makna merupakan kata yang mempunyai maksud lebih daripada satu. Antara berikut merupakan contoh Kata Banyak Makna.

1. dalam
   a. tidak cetek
   Ayat: Sungai itu sangat **dalam**.

   b. lawan luar
   Ayat: Ayah mengurung adik di **dalam** bilik.

   c. luas pengalaman
   Ayat: Yang Huat mempunyai pengetahuan yang **dalam** tentang hal itu.

2. anggota
   a. bahagian tubuh
   Ayat: Seluruh **anggota** badannya sengal selepas menjalani latihan intensif itu.

   b. ahli
   Ayat: Bilangan **anggota** Persatuan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Klang menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

3. cetek
   a. tidak dalam (air)
   Ayat: Air sungai itu **cetek**.

   b. tidak luas (pengetahuan)
   Ayat: Budak itu belajar bersungguh-sungguh setelah menyedari bahawa ilmu yang dipelajarinya masih **cetek**.

4. kaya
   a. banyak harta
   Ayat: Orang **kaya** itu murah hati orangnya.

   b. sejenis makanan
   Ayat: Aini suka makan roti yang disapukan dengan **kaya**.

   c. banyak mengandungi
   Ayat: Ikan **kaya** dengan protein yang membantu tumbesaran kanak-kanak.

5. bunga
   a. bahagian tumbuhan untuk pembiakan
   Ayat: Pokok rambutan yang ditanam oleh ayah mula mengeluarkan **bunga**.

   b. faedah
   Ayat: Setiap pinjaman yang dibuat daripada mana-mana bank perdagangan akan dikenakan **bunga** berdasarkan kadar peratusan tertentu.

6. agar-agar
   a. sejenis lumut laut
   Ayat: Mereka menemui **agar-agar** di tepi pantai itu.

   b. sejenis kuih
   Ayat: **Agar-agar** santan yang dibuat oleh ibu sudah basi.

7. diam
   a. senyap
   Ayat: Alisan **diam** sahaja ketika dimarahi oleh ibunya.

   b. tinggal
   Ayat: "Sudah lamakah awak **diam** di sini?" Tanya Shu Szen kepada Aimin

8. faedah
   a. berguna
   Ayat: "Apatah **faedah** kita adik-beradik bertengkar!" Kata Ridzuan.

   b. bayaran yang dikenakan atas pinjaman
   Ayat: Bank-bank di Malaysia memberikan **faedah** empat peratus bagi setiap akaun simpanan tetap.

9. melucutkan

   a. menanggalkan

   Ayat: Puan Maimunah **melucutkan** gelang di tangan dan memberikannya kepada Misah.

   b. menarik balik

   Ayat: Pengurus syarikat itu telah **melucutkan** jawatan pekerjanya yang membongkar rahsia syarikat.

10. dewasa

   a. umur mencapai 21 tahun ke atas

   Ayat: Orang **dewasa** dikenakan bayaran penuh manakala kanak-kanak dan remaja hanya separuh harga untuk tiket masuk ke pameran ini.

   b. pada masa

   Ayat: **Dewasa** ini, banyak remaja terlibat dalam kegiatan negatif.

11. kesimpulan

   a. ringkasan daripada apa-apa yang telah dibuat

   Ayat: Setiap cuti sekolah ibu akan menyuruh adik membaca sebuah buku cerita kemudian membuat **kesimpulan** tentang cerita tersebut.

   b. keputusan

   Ayat: Beck Hua telah membuat **kesimpulan** untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara walaupun dia kesempitan wang.

12. ingat

   a. tidak lupa

   Ayat: Zanariah masih **ingat** akan wajah arwah ayahnya.

   b. berfikir

   Ayat: Saya **ingat** dia berada di sini, rupa-rupanya dia berada di kebun.

13. longgar

   a. tidak sempit

   Ayat: Seluar yang dibeli oleh Ahmad terlalu **longgar**.

   b. tidak ketat

   Ayat: Ikatan tali di kaki lembu itu sudah **longgar**.

c. tidak erat

Ayat: Semenjak peristiwa itu, persahabatan mereka mula **longgar**.

14. lapangan

a. kawasan yang luas

Ayat: **Lapangan** itu sesuai dijadikan tempat untuk berlatih.

b. jurusan

Ayat: Selepas tamat persekolahan di sekolah menengah, abangnya untuk melanjutkan pelajaran dalam **lapangan** kedoktoran.

15. kepala

a. ketua atau pemimpin

Ayat: **Kepala** kumpulan penyamun itu sudah ditangkap oleh polis.

b. bahagian tubuh

Ayat: **Kepala** Aini ditutup dengan kain tudung yang bercorak bunga.

16. dingin

a. sejuk

Ayat: Dia terpaksa memakai baju tebal kerana cuaca sangat **dingin**.

b. tidak meriah

Ayat: Pertunjukan pentas itu mendapat sambutan **dingin** daripada penduduk kampung ini.

c. hubungan yang tidak baik

Ayat: Aminah dan Amizi telah berperang **dingin** sejak minggu lepas.

17. hangat

a. panas

Ayat: Nasi itu masih **hangat** kerana baru di masak.

b. meriah

Ayat: Pesta Buku mendapat sambutan **hangat** daripada orang ramai.

c. berita yang masih baharu

Ayat: Para wartawan berlumba-lumba mendapatkan berita **hangat** mengenai pelakon itu.

18. bermuka-muka

a. banyak muka surat

Ayat: Teks ucapan Encik Zainal yang disediakan oleh setiausahanya **bermuka-muka** panjangnya.

b. berpura-pura

Ayat: Nippon sering **bermuka-muka** di hadapan majikannya.

19. aturan

a. susunan

Ayat: **Aturan** buku di dalam perpustakaan ini tidak kemas.

b. peraturan

Ayat: Sesuatu kerja mesti mengikut **aturan** yang ditetapkan.

c. ketertiban

Ayat: "Kamu tidak tahu akan **aturan**?" Tanya ayah kepada abang.

20. masak

a. cara membuat makanan

Ayat: "Ibu sedang **masak** kari ikan," kata abang kepada ayah.

b. sudah tua dan boleh dimakan

Ayat: Buah nangka itu sudah cukup **masak** dan boleh dimakan.

c. sudah tahu

Ayat: Ahli-ahli bomba **masak** dengan segala kejadian kebakaran.

21. tanggal

a. tarikh

Ayat: Pada **tanggal** 31 Ogos, kita akan menyambut Hari Kebangsaan.

b. lucut

Ayat: Butang bajunya sudah **tanggal**.

22. mentah

a. belum masak

Ayat: Shiman sakit perut selepas makan udang yang **mentah** itu.

b. belum dewasa

Ayat: Zurianah masih **mentah** untuk mengenal erti kehidupan.

23. segar

a. sihat

Ayat: Dia berasa **segar** setelah selesai beriadah.

b. tidak layu

Ayat: Sayur itu masih **segar** kerana baru dipetik dari kebun.

c. tidak pudar

Ayat: Nasihat ayah Baiharun masih **segar** dalam ingatannya.

24. berjalan

a. berlangsung

Ayat: Majlis itu **berjalan** dengan lancar.

b. bergerak dengan kaki

Ayat: Adik sudah pandai **berjalan**.

c. berangkat

Ayat: Abang hendak **berjalan** jauh pada cuti sekolah nanti.

25. usang

a. lama

Ayat: Rumah di tepi jalan itu sudah **usang**.

b. tidak subur

Ayat: Tanah seluas dua hektar itu terbiar kerana **usang**.

26. berada

a. kaya

Ayat: Dia berasal daripada keluarga **berada**.

b. dalam sesuatu keadaan

Ayat: Ahmad **berada** dalam keadaan ketakutan.

c. ada (tempat)

Ayat: Dia masih **berada** di luar negara semasa ayahnya meninggal dunia.

27. lama-lama

a. dengan lama

Ayat: Dia merenung muka anak bongsunya yang cantik itu **lama-lama**.

b. akhirnya

Ayat: Kalau kita dapat menyimpan duit seringgit sehari, **lama-lama** akan banyak juga.

28. memandu

a. memimpin

Ayat: Cikgu Razali yang **memandu** kumpulan ini ke Pulau Langkawi.

b. membawa

Ayat: Ayah selalu berpesan kepada abang supaya jangan **memandu** kereta dengan laju.

29. kusut

a. tidak bersikat

Ayat: Rambutnya yang **kusut** itu kelihatan kotor.

b. tidak tenteram fikiran

Ayat: Dia tidak dapat berfikir dengan tenang kerana fikirannya **kusut**.

30. melancarkan

a. memulakan sesuatu dengan cepat

Ayat: Rusia telah **melancarkan** sebuah kapal angkasa lepas ke bulan yang memuatkan tiga orang angkasawan.

b. melicinkan

Ayat: Pentadbiran Encik Zain yang baik telah **melancarkan** kerja di pejabatnya.

c. mengadakan sesuatu

Ayat: Sekolah kami akan **melancarkan** Program Bulan Bahasa Malaysia pada bulan depan.

LATIHAN

Pilih ayat yang menggunakan Kata Banyak Makna yang tepat.

1. I. Pekerja-pekerja majlis perbandaran sedang menebang sebatang **pohon** beringin di tepi jalan.
   II. Pihak polis masih berusaha gigih mencari **pohon** motif pembunuhan ngeri itu.
   III. Kelihatan beberapa tompokan **pohon** angin mula menghiasi dada langit.
   IV. Jawatan sebagai pekerja am itu saya **pohon** seminggu yang lalu.
   A. I, II, dan III B. I, II, dan IV
   C. I, III, dan IV D. II, III, dan IV

2. I. Lee Chong Wei ingin **menuntut** bela atas kekalahannya dalam kejohanan badminton.
   II. Para pekerja am sebuah syarikat pembuatan **menuntut** kenaikan gaji sebanyak 20 peratus.
   III. Sharil terpaksa **menuntut** motosikalnya kerana tayar motosikalnya kempis.
   IV. Abang sulung saya masih **menuntut** di luar negara.
   A. I, II, dan III B. I, II, dan IV
   C. I, III, dan IV D. II, III, dan IV

3. I. Emak terpaksa menghabiskan masa selama satu jam untuk menggunting rambut adik yang **lebat** itu.
   II. Puan Kalsum suka memakai baju batik yang **lebat** corak bunganya.
   III. Semakin **lebat** penonton yang mengunjungi pameran buku itu.
   IV. Pokok rambutan yang ditanam oleh datuk **lebat** buahnya.
   A. I, II, dan III
   B. I, II, dan IV
   C. I, III, dan IV
   D. II, III, dan IV

4. I. Bapa mengasah pisau itu kerana tidak **tajam** lagi.
   II. Jari Kamil luka kerana terkena bucu almari yang **tajam**.
   III. Kata-kata Teressa yang **tajam** telah menyinggung perasaan suaminya.
   IV. Mei Ling dapat memahami setiap pengajaran gurunya di dalam kelas kerana pendengarannya yang **tajam**.

   A. I, II, dan III
   B. I, II, dan IV
   C. I, III, dan IV
   D. I, II, III, dan IV

5. I. Angin yang bertiup dari arah gunung itu **segar** nyaman.
   II. Badan kita akan bertambah **segar** sekiranya kita banyak bersenam.
   III. Selera Parimala semakin baik apabila masakan ibunya bertambah **segar**.
   IV. Walaupun peristiwa hitam itu sudah setahun berlalu namun peristiwa itu masih **segar** dalam ingatan Ina.

   A. I, II, dan III
   B. I, II, dan IV
   C. I, III, dan IV
   D. II, III, dan IV

6. I. Bakul yang diperagakan di atas rak hiasan itu amat **rapi** dan kemas anyamannya.
   II. Semua kerja diuruskan dengan **rapi** dan memuaskan oleh pekerja-pekerja syarikat itu.
   III. Wajah gadis yang **rapi** dan manis itu telah menawan hati beberapa orang jejaka di kampungnya.
   IV. Kesemua biskut di dalam tin makanan itu sudah lemau kerana penutupnya tidak ditutup dengan **rapi**.

   A. I, II, dan II
   B. I, III, dan IV
   C. II, III, dan IV
   D. I, II, III, dan IV

7. I. Perundingan antara kedua-dua buah negara itu akhirnya **putus** setelah memakan masa selama 10 tahun.
   II. Tali persahabatan antara Kamal dengan Faizal **putus** begitu sahaja setelah perselisihan faham tercetus.
   III. Wani terjatuh dari atas pokok setelah dahan yang dipijaknya **putus** secara tiba-tiba.
   IV. Gajah liar itu merentak rantai yang diikat pada kakinya hingga **putus**.

   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

8. I. Amran dimarahi oleh jirannya kerana **pecah** tempayan jirannya.
   II. **Pecah** belah boleh berlaku dalam masyarakat sekiranya tiada perpaduan.
   III. Akmal sekali lagi berjaya menggondol pingat emas dalam acara pecut 100 meter setelah berjaya **pecah** rekod.
   IV. Lawak jenaka yang dipersembahkan oleh pelawak itu telah menyebabkan kebanyakan penonton **pecah** perut.

   A. I dan III
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. II dan IV

9. I. "Saya akan datang malam **karang**," kata Aminah kepada Siti.
   II. "Sekiranya ada **karang**, bolehlah kita mendirikan rumah," jelas Pak Man.
   III. Para pelancong terpegun oleh kecantikan batu-batu **karang** di persisiran pantai Pulau Sipadan.
   IV. Puisi tradisional yang dideklamasikan oleh penyair itu sebenarnya merupakan **karang** A. Samad Said.

   A. I, II, dan III
   B. I, II, dan IV
   C. I, III, dan IV
   D. II, III, dan IV

10. I. Kandungan perempuan itu **gugur** setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya.
    II. Disebabkan himpitan kemiskinan, hak Puan Mary untuk menyara anak tunggalnya telah **gugur**.
    III. Hati Puan Kalsum hancur berkecai apabila menerima berita bahawa suaminya telah **gugur** di perbatasan.
    IV. Encik Param telah **gugur** dakwaannya terhadap seorang lelaki yang mencederakan anak lelakinya setelah mendapat khidmat nasihat daripada peguam.

    A. I, II, dan III
    B. I, II, dan IV
    C. I, III, dan IV
    D. II, III, dan IV

2. Kesalahan Penggunaan Kata dan Frasa dalam Ayat

Pilih ayat yang betul.

1. A. Wajah anak gadis yang terlibat dalam kemalangan itu kelihatan putih lesi.
   B. Perut adik Ramlah buncit setelah makan tiga pinggan nasi.
   C. Encik Ramdan sudah balik ke kampung minggu depan.
   D. Tayar basikal saya gemuk setelah dipam angin.

2. A. Buah rambutan yang sudah hangat itu manis rasanya.
   B. Sebuah helikopter terhempas di kawasan lereng bukit itu.
   C. Kampung Cempaka dikerumuni banjir kerana hujan turun lebat petang tadi.
   D. Adik rajin menolong datuk mengutip buah durian yang terjunam dari atas pokok.

3. A. Ibu menghiris sebiji bawang lalu menggoreng hirisan bawang itu.
   B. Adik dimarahi kerana tidak menutup penutup tin biskut itu dengan kukuh.
   C. Beberapa orang gadis Melayu duduk bersila sambil menganyam tikar mengkuang.
   D. Hujan lebat yang gugur semalam telah memusnahkan kebun sayur Pak Mat.

4. A. Emak sudah merebus telor di dapur.
   B. Lelaki yang berwajah bengis itu ialah abang saya.
   C. Afraj terus masuk ke dalam bileknya sebaik sahaja balik dari sekolah.
   D. Pengurus syarikat itu terpaksa menghabiskan kontrak pekerja-pekerjanya kerana masalah kemelesetan ekonomi.

5. A. Kerajaan telah memberitahu bahawa esok ialah hari cuti bagi Wilayah Kuala Lumpur.
   B. Pihak sekolah akan mengadakan langkah berjaga-jaga dalam usaha mengatasi masalah kes buli.
   C. Perlawanan bola sepak itu terpaksa dihalang apabila penonton bertindak agresif di dalam stadium.
   D. Sani terangkat dua buah bakul yang dipenuhi buah mempelam walaupun baru berusia 7 tahun.

6. A. Oleh kerana mabuk, pemandu kereta itu ditahan oleh pihak polis trafik.
   B. Zainudin dengan kawannya akan bertolak ke Singapura esok pagi.
   C. Wahai anak-anakku, mengingatilah pesanan ayah dan ibu.
   D. Cantik sungguh bunga ros yang ditanam oleh ibu.

7. A. Persembahan drama yang julung kali diadakan itu amat meminati dengan para penonton.
   B. Sebuah bas telah menyumbangkan syarikat untuk menolong golongan yang tidak berkemampuan.
   C. "Kesemua pemberontak itu akan patik uruskan, tuanku," sembah Tun Lanang kepada Sultan Mahmud.
   D. Rancangan-rancangan televisyen yang disiarkan perlulah ditapis supaya tidak terpengaruh oleh golongan remaja.

8. A. Anak ayam peliharaan Mak Siti mati ular telan.
   B. Barangan berharga kepunyaan Datuk Mansyor telah perompak curi malam semalam.
   C. Lima ribu orang penonton memberikan tepukan gemuruh kepada penyanyi sensasi itu.
   D. Masalah banjir akan mereka menyelesaikan segera setelah mendapat bantuan daripada pihak kerajaan.

9. A. Wang sebanyak RM3 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan pusat untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan di negara kita.
   B. Masalah yang dihadapi oleh penduduk pasti akan diberitahu oleh saya kepada pihak media.
   C. Kemampuan kami akan kami membuktikan kepada tuan dalam sedikit masa lagi.
   D. Beberapa orang budak telah ibu mereka menemani di taman itu.


10. A. Pasukan polis peronda akan menjalankan pemantauan sekerap yang boleh bagi mengatasi kes ragut.
    B. Beberapa buah keluarga yang miskin tegar akan kerajaan pindahkan ke kawasan yang lebih maju.
    C. Set sofa yang diperagakan di kedai itu cantik sekali malah mahal.
    D. Wah, kesiannya anak yang kelaparan itu.



1. Persediaan Menghadapi Peperiksaan

Tidak lama lagi, para pelajar akan menghadapi Peperiksaan Bersama (UEC) Junior. Adakah persediaan anda untuk menghadapi peperiksaan sudah mencukupi? Adakah anda sudah bersedia untuk berjuang dalam medan peperiksaan yang bakal menentukan hala tuju anda?

Bak kata pepatah 'masa itu emas'. Walaupun peperiksaan semakin menjelang namun usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh pasti akan membuahkan hasil. Carta di bawah menunjukkan beberapa cara untuk menghadapi peperiksaan.



2. Rancangan pada Musim Cuti

Apakah perancangan anda pada masa cuti? Melancong? Berjumpa dengan kawan? Menziarahi saudara mara di kampung? Pastinya anda mempunyai rancangan pada musim cuti ini. Sebenarnya, anda boleh membuat rancangan yang bijak pada musim cuti ini. Ingat, manfaatkan musim cuti ini agar segala aktiviti yang dijalankan mendatangkan kebaikan kepada diri anda tidak kira untuk jangka masa pendek mahupun pada masa akan datang. Carta berikut boleh dijadikan sebagai panduan untuk anda semasa merancang cuti panjang anda.

